

Jumaat, 1 April, 2011

RM100j dana inovatif (HL)

SHAH ALAM: Kerajaan meluluskan peruntukan RM100 juta untuk Dana Permulaan Perniagaan (BSF) sebagai inisiatif terbaru untuk membantu usahawan menghasilkan produk inovatif dan berpotensi di pasaran. Sasaran BSF ialah syarikat peringkat permulaan yang berasaskan teknologi, termasuk syarikat pemilikan universiti dan memiliki produk berpotensi tinggi ke pasaran. Bagaimanapun, syarikat terbabit mesti dimiliki 70 peratus oleh usahawan atau kumpulan usahawan sepenuh masa rakyat Malaysia. Ketika mengumumkannya semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata pembiayaan BSF bersifat anjal tanpa cagaran dengan tempoh pembayaran balik selama lapan tahun dengan tiga tahun pertama bebas daripada pembayaran. "Ini pembiayaan yang amat baik dan bukti keprihatinan kerajaan untuk melahirkan generasi usahawan teknologi yang berpeluang menerokai bidang terbaru. Usaha ini selaras Model Baru Ekonomi (MBE) di mana kejayaan kita mesti berasaskan kemampuan menjana kekayaan. "Ini kerana jika dapat menjana kekayaan melalui teknologi, kita berpotensi menjadi sebuah negara maju. Sekiranya kita menjana kekayaan tanpa menggunakan teknologi, kita akan tewas dalam medan persaingan global yang semakin hebat," katanya pada majlis menandatangani perjanjian usaha sama Pusat Technopreneur' Universiti Teknologi MARA (UiTM)-MTDC dan Perasmian BSF di UiTM, di sini semalam.

Najib turut menyaksikan penyampaian replika cek RM2.7 juta daripada Kementerian Pengajian Tinggi yang disampaikan Mohamed Khaled kepada UiTM melalui Sahol Hamid, sebagai peruntukan bagi program `High End Graduate Enternship' yang diterajui universiti itu. Sambil menjelaskan kos permulaan ialah salah satu cabaran yang perlu diatasi, Najib berkata, syarikat atau bakal usahawan teknologi yang memiliki idea baik tetapi tidak diterima oleh bank komersial untuk mendapatkan pinjaman perlu dibantu. "Anak muda kita mungkin tidak ada rekod pencapaian dan mempunyai baki bank yang kecil, tetapi mereka ada daya semangat yang kuat. Mungkin idea mereka boleh mendatangkan pulangan besar suatu hari nanti. Inilah yang memerlukan kepada penilaian bukan seperti yang biasa dibuat bank komersial," katanya.

Jumaat, 1 April, 2011

Syarat Skim Rumah Pertamaku tak berubah

KERAJAAN tidak bercadang melonggarkan syarat bagi memohon pembiayaan rumah pertama menerusi Skim Rumah Pertamaku yang ditawarkan untuk golongan muda berpendapatan rendah, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Hussein. Beliau berkata, kerajaan mahu memastikan skim itu kekal untuk jangka panjang dengan memastikan semua peminjam berkemampuan membayar balik pinjaman yang mereka buat. "Jika kita melonggarkan lagi syarat sehingga ke tahap peminjam tidak mampu membayar balik pinjaman mereka, ia bermakna langkah itu tidak selaras dengan aspirasi kerajaan melihat golongan belia yang bukan saja mampu memiliki rumah, tetapi turut berkemampuan membayar balik pinjaman mereka. "Kita tidak mahu melonggarkan lagi syarat pinjaman semata-mata kerana mahu mendapat seberapa ramai pemohon yang boleh.

Dalam jangka panjang, skim ini mungkin tidak akan berjaya," katanya menjawab soalan Datuk Idris Haron (BN-Tangga Batu). Idris sebelum itu bertanya mengenai apakah ada kemungkinan kerajaan melonggarkan syarat yang ditetapkan institusi kewangan iaitu setiap pemohon perlu memiliki pendapatan tetap sekurang-kurangnya RM1,500 sebulan. Awang Adek berkata, bagi kumpulan berpendapatan rendah yang tidak mampu memohon pinjaman itu, kerajaan mempunyai beberapa lagi skim lain untuk mereka. "Ia bukan satu-satunya penyelesaian terhadap masalah pemilikan rumah. Kami mempunyai pelbagai program lain," katanya. Sementara itu, beliau berkata, penjawat awam tidak layak memohon mendapatkan rumah di bawah Skim Rumah Pertamaku yang diwujudkan bagi membantu golongan muda berpendapatan rendah bawah RM3,000 kerana kakitangan kerajaan sudah mempunyai kemudahan pinjaman tersendiri. Menjawab pertanyaan Datuk Abdul Manan Ismail (BN-Paya Besar), Awang Adek berkata pembeli layak boleh memohon pinjaman menerusi 25 bank tempatan, termasuk institusi kewangan Islam bagi membeli rumah dalam lingkungan harga RM100,000 hingga RM220,000. Katanya, skim itu menawarkan pembiayaan 100 peratus dengan 90 peratus pembiayaan disediakan oleh pihak bank, manakala baki 10 peratus lagi ditanggung jamin oleh Cagamas Berhad yang menyediakan wang pendahuluan.

Jumaat, 1 April, 2011

Penerima geran CRDF raih jualan RM618 juta

PENERIMA geran Dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF) yang diuruskan oleh Perbadanan Teknologi Malaysia (MTDC) meraih jualan keseluruhan bernilai RM618 juta sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dari 2006 hingga 2010. MTDC adalah badan yang diamanahkan kerajaan bagi menguruskan CRDF yang bertujuan membiayai aktiviti pengkomersialan teknologi yang dibangunkan syarikat milik rakyat tempatan."Ia adalah sesuatu yang boleh dibanggakan kerana pengkomersialan projek menerusi CRDF itu turut membuka kira-kira 1,026 peluang pekerjaan berdasarkan pengetahuan, dengan 584 daripadanya adalah pemegang sarjana muda. "Sejumlah 199 harta Intelek (IP) pula difaiklan sepanjang tempoh terbabit," kata Ketua Eksekutif MTDC, Norhalim Yunus dalam ucapannya pada pelancaran Dana Permulaan Perniagaan (BSF) bernilai RM100 juta di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, semalam.

Pelancarannya disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak. Ia turut dihadiri Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin; Pro Canselor UiTM, Tan Sri Arshad Ayub dan Tan Sri Sallehudin Mohamed; dan Naib Canselor UiTM, Datuk Profesor Dr Sahol Hamid Abu Bakar. Norhalim berkata, sepanjang RMK-9, sejumlah 154 projek dengan geran bernilai RM294.7 juta diluluskan MTDC. Daripada jumlah itu, 72 projek atau 47 peratus adalah R&D dibiayai sektor awam, manakala baki 82 adalah projek pengkomersialan penyelidikan daripada sektor swasta. Beliau berkata, daripada prospektif kluster teknologi/industri, sektor bioteknologi adalah penerima kelulusan CRDF terbesar dengan 38 projek, atau 24.7 peratus. Ia disusuli produk perindustrian dengan 29 projek, atau 18.8 peratus, elektrik dan elektronik dengan 16 projek (10.4 peratus) dan bahan teknologi tinggi dengan 14 projek (9.1 peratus).

Jumaat, 1 April, 2011

Kerajaan negeri ambil alih tanah MRT

SHAH ALAM: Kerajaan negeri akan mengambil alih tanah untuk pembinaan projek Aliran Transit Massa (MRT) secepat mungkin bagi mengelak kegiatan spekulasi harga harta tanah yang akan mengundang pelbagai masalah pada masa depan. Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim ketika menjawab soalan mulut Dr Shafie Abu Bakar (BN-Bangi), berkata pihaknya juga tidak akan meluluskan sebarang projek pembangunan di kawasan terbabit sebelum projek MRT itu dimulakan. "Tindakan ini diambil bagi memastikan projek yang bakal dilaksana Kerajaan Persekutuan dapat beroperasi dengan lancar serta mematuhi jadual pembinaan," katanya. Beliau berkata, projek berkenaan dijangka meningkatkan kemampuan pengangkutan awam dan menyifatkan ia satu keperluan bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang dijangka kian teruk. Dalam perkembangan berkaitan, beliau tidak menolak kemungkinan projek itu akan mendapat bantahan pihak tertentu dan sudah mengerahkan agensi berkaitan berunding dengan pihak terbabit bagi mencari jalan penyelesaian mengenainya. "Saya bagaimanapun yakin projek MRT tidak akan menghadapi banyak masalah dengan penduduk setempat kerana sebahagian besar laluan MRT akan menggunakan terowong bawah tanah dan difahamkan ia membabitkan kos tinggi," katanya.

Selasa, 5 April, 2011

Tiga bangunan hijau siap dalam setahun

A YER KEROH: Melaka bakal mempunyai tiga bangunan hijau pertamanya yang akan dibina di atas tanah seluas 1.37 hektar di Gapam, Jasin dekat sini, dengan kos bernilai **RM3.5 juta**. Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata bangunan yang dijangka akan siap dalam tempoh setahun itu adalah daripada sebuah bangunan diperbuat daripada bahan kitar semula. Katanya, projek itu adalah antara usaha kerajaan negeri untuk menjadikan Melaka sebagai bandar berteknologi hijau menjelang 2020. "Ketiga bangunan ini bakal dilengkapi panel solar pada bahagian bumbungnya untuk tujuan penjanaan elektrik dan saya difahamkan, sebuah syarikat dari Taiwan bersetuju menaja pembinaan bangunan seluas 5,000 kaki persegi diperbuat daripada bahan kitar semula dengan kos RM2 juta ini.

"Kerajaan negeri pula akan mengeluarkan peruntukan bagi pembinaan restoran dan bangunan pejabat masing-masing bernilai RM1 juta dan RM500,000. Pembinaan panel solar akan mendapat kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sekali gus membantu mengkomersialkan penyelidikan UKM," katanya. Beliau berkata demikian selepas menghadiri pembentangan resolusi Seminar Melaka Maju Negeri Bandar Teknologi Hijau 2011 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini, semalam. Mengulas lanjut, Mohd Ali berkata, kerajaan negeri juga akan berusaha memohon insentif daripada Kerajaan Pusat bagi membantu mengembangkan lagi pembinaan ladang solar di Lembah Solar dan Taman Bandar Hijau di negeri ini. "Kita bercadang menjana tenaga elektrik secara besar-besaran menerusi projek teknologi hijau di kedua-dua kawasan ini seterusnya menjual bekalan tenaga terbabit kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada masa depan," katanya.

Selasa, 5 April, 2011

RM108b bukan kerugian negara

KUALA LUMPUR: Kehilangan **RM108 bilion** seperti yang dilaporkan akhbar Ahad lalu bukanlah kehilangan hasil pendapatan negara, sebaliknya ia adalah jumlah daripada kes yang dilaporkan kepada semua agensi penguatkuasaan dalam negara, kata Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah. Beliau berkata, kes yang dilaporkan itu pula khusus membabitkan kesalahan serius di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembentukan Keganasan (AMLATFA) 2001. "Daripada jumlah itu, rompakan dan kecurian adalah kesalahan yang menjadi penyumbang utama selain kegiatan penyeludupan, pengedaran dadah, deposit haram, penipuan dan penyalahgunaan kuasa malah siasatan yang dijalankan ke atas Kastam Diraja Malaysia (KDM) adalah amalan di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," katanya.

Rabu, 6 April, 2011

15,000 nelayan terima elaun sara hidup

MIRI: Kira-kira 15,000 nelayan pantai yang berdaftar di Sarawak terus mendapat pembelaan kerajaan untuk memastikan mereka dapat keluar daripada belenggu kemiskinan, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar. Beliau berkata, sejak 2008 sebanyak RM37.7 juta disalurkan kerajaan untuk pembayaran elaun sara hidup, manakala untuk insentif hasil tangkapan sebanyak RM13.5 juta kepada nelayan di Sarawak. "Inilah kita dalam kerajaan Barisan Nasional (BN). Kita tahu kehendak dan kesusahan nelayan, kita bantu apa yang perlu kepada mereka," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian elaun sara hidup kepada 397 nelayan dari bahagian Miri di sini, semalam. Beliau berkata, dalam setahun kerajaan memperuntukkan RM15 juta untuk membayar elaun sara hidup kepada 60,000 nelayan di seluruh negara termasuk di Sarawak. Selain akan terus membantu kumpulan nelayan dengan pemberian subsidi dan insentif, Noh berkata kerajaan akan mengaktifkan semula Kumpulan Belia Nelayan (KUBENA) dan Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA) yang mampu untuk menjana ekonomi keluarga nelayan.

"Kita merancang untuk menyerahkan kompleks perikanan yang kini di bawah kawalan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) kepada pihak KUBENA dan KUNITA supaya mereka dapat melaksanakan beberapa perniagaan seperti restoran, pusat pemprosesan makanan hasil tangkapan laut ataupun untuk agro pelancongan seperti sukan memancing," katanya. Sementara itu, 16 usahawan industri asas tani di sini menerima geran di bawah program pemadanan pembungkusan, pelabelan dan penjenamaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Geran bernilai RM92,000 itu yang disampaikan oleh Noh adalah sebahagian daripada geran seluruhan bernilai RM3 juta yang dilancarkan tahun lalu bagi membantu 313 usahawan terpilih seluruh negara meluaskan pasaran produk mereka. Noh berkata, dengan bantuan itu, usahawan kecil yang dulunya berpendapatan bawah RM100,000 setahun, diharap dapat meningkatkan pendapatan kepada RM1 juta setahun. "Dulu skop kementerian (Kementerian Pertanian) hanya untuk sektor pertanian, tetapi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sekarang, kerajaan berusaha mengembangkannya ke sektor perniagaan bagi menghasilkan produk berkualiti," katanya.

Rabu, 6 April, 2011

MITI lulus bantuan PKS RM698.13j

KEMENTERIAN Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), menerusi SME Corporation Malaysia (SME Corp Malaysia) meluluskan bantuan kewangan berjumlah **RM698.13 juta** kepada sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sepanjang tempoh Rancangan Malaysia kesembilan (RMK-9). Timbalan Menteri MITI, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata sebahagian besarnya membabitkan skim pinjaman mudah bernilai RM577.19 juta, disusuli peruntukan semula perniagaan bernilai RM99.23 jutadan sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebanyak RM14.83 juta. Beliau berkata, dengan lebih 90 peratus perniagaan di Malaysia terdiri daripada PKS, adalah penting bagi kerajaan untuk terus mempromosikan sektor itu untuk memperbaikkan lagi sumber pertumbuhan dan mengekalkan momentumnya. "Justeru, menerusi RMKe-10 ini, kerajaan akan terus memperkenalkan lebih banyak langkah untuk mengembangkan sektor berkenaan, antaranya mengurangkan kos perniagaan, meningkatkan skil dan keupayaan PKS serta menyediakan kepelbagaiannya platform bagi memenuhi model pembiayaan perniagaan PKS, sekali gus membolehkan mereka menjadi juara di peringkat tempatan, serantau dan global," katanya pada majlis pelancaran Takaful mySME di Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama, Pengarah Urusan Takaful Malaysia Bhd, Datuk Mohamed Hassan Kamil; Pengerusi SME Corp, Datuk Mohamed Al Amin Abdul Majid; dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Hafsa Hashim. Mukhriz berkata, ketika ini PKS menyumbang sepertiga kepada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dan menyediakan lebih 56 peratus pekerjaan. Sementara itu, Mohamed Hassan berkata, pelan terbaru Takaful Malaysia, Takaful mySME, diperkenalkan khusus untuk usahawan PKS dengan menawarkan empat penyelesaian merangkumi lima sektor utama iaitu perusahaan ringan, makanan dan minuman, peruncitan, pejabat dan perkhidmatan.

Rabu, 6 April, 2011

RM58.8 juta projek bina jalan, jambatan

AYER KEROH: Kerajaan Melaka memperuntukkan **RM58.8 juta** kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri bagi melaksanakan projek pembinaan jalan dan jambatan di negeri ini di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata semua projek terbabit merangkumi pembinaan sebanyak 17 projek jambatan dan 15 projek jalan. "Pada tahun ini, dua jambatan sudah ditenderkan kepada kontraktor untuk dinaiktaraf daripada jambatan sempit iaitu jambatan di Pulau Sebang, Alor Gajah dan Kampung Tasek, Jasin dekat sini, manakala jambatan Seri Pengkalan pula kini sedang dalam proses penyediaan reka bentuk. "Bagi meningkatkan lagi jajaran jalan sedia ada pula, satu jalan baru dari kawasan perindustrian Bukit Rambai hingga ke Lebuh Sungai Udang-Paya Rumput-Ayer Keroh (Lebuh SPA) turut ditenderkan untuk pelaksanaan, di samping pelaksanaan beberapa projek lain seperti pembinaan jejantas pejalan kaki di Jalan Bukit Beruang serta kerja penyelenggaraan jalan dan jeti," katanya. Beliau berkata demikian pada perhimpunan bulanan kerajaan negeri anjuran JKR negeri di Seri Negeri dekat sini, semalam. Hadir sama, Pengarah JKR negeri, Datuk Abdul Razif Ibrahim. Mohd Ali berkata, pihak kerajaan sentiasa peka terhadap keperluan penyediaan kemudahan jajaran jalan raya yang baik dan perancangan berterusan untuk meningkatkan kemudahan itu dirancang dengan teliti supaya mampu menampung bilangan kenderaan yang kian bertambah di negeri ini.

"Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) lalu, sebanyak 44 projek jalan dan jambatan siap dibina dengan kos RM969 juta merangkumi peruntukan negeri dan Persekutuan. "Pada tahun lalu, sebanyak RM19.2 juta dibelanjakan untuk membina tujuh jalan baru termasuk menaik taraf jalan sedia ada dan empat jambatan dinaiktaraf dengan menggunakan peruntukan kerajaan negeri," katanya. Mohd Ali berkata, untuk jalan Persekutuan pula, sebanyak RM41 juta dibelanjakan bagi menaik taraf jalan yang dikenal pasti termasuk Simpang Peringgit, Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka di Batu Berendam dari dua lorong ke empat lorong hingga ke Lebuh SPA dan menaik taraf Jalan Seri Negeri-Bemban sepanjang 5.6 kilometer.

Rabu, 6 April, 2011

Taman rekreasi RM21j pikat pelancong

MASJID TANAH: Kerajaan negeri akan membina Taman Bandar Dataran Masjid Tanah bernilai **RM21 juta** berhampiran Kompleks Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN), dekat sini, dalam usaha menarik pelancong ke kawasan terbabit. Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata dataran seluas 4.8 hektar yang akan dibina dalam tempoh terdekat itu turut mempunyai sebuah menara tinjau. "Pembinaan taman rekreasi ini adalah antara inisiatif kerajaan negeri bagi membantu DUN Lendu mempunyai sebuah kawasan riadah yang cantik, sekali gus mampu menarik kedatangan pelancong luar datang ke Masjid Tanah," katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke DUN Lendu, baru-baru ini. Pada program berkenaan, beliau turut merasmikan pejabat Jabatan Pertahanan Awam Cawangan Masjid Tanah.

Hadir sama, Timbalan Menteri Dalam Negeri yang juga Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Wira Abu Seman Yusop; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lendu, Datuk Idderis Kassim dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), Kamarudin Md Shah. Mohd Ali berkata, selain taman berkenaan, kerajaan juga akan menaik taraf Masjid Jamek Putera, Masjid Tanah membabitkan kos sebanyak enam juta bagi menampung seramai 1,500 jemaah, selain pembinaan Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Lendu untuk kemudahan 500 murid belajar di situ. Pada masa sama, katanya, sebuah empangan baru bernilai RM2.3 juta turut dibina berhampiran kolam takungan banjir di Durian Daun yang bertujuan membantu mengatasi masalah banjir kilat di kawasan terbabit.

Jumaat, 8 April, 2011

MPAJ cipta generator solar

AMPANG: Anggota Penguat kuasa Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mencipta generator solar (SG) yang mampu menjimatkan kos penggunaan petrol sehingga 100 peratus berbanding generator biasa. Alat berkenaan yang dikenali sebagai SG Force 1 menggunakan tenaga solar untuk membekalkan tenaga kepada peralatan elektronik yang digunakan oleh anggota penguat kuasa di lokasi bagi setiap operasi dijalankan. SG dicipta oleh kumpulan SG Force sempena Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat MPAJ 2011 baru-baru ini, bagi dipertandingkan dalam kategori teknikal. Selain SG Force, 13 lagi kumpulan dari jabatan teknikal (1) dan pengurusan (12) turut bertanding. Kumpulan Syukur dari Jabatan Belia dan Masyarakat MPAJ pula mengetengahkan idea Penambahbaikan Pengurusan Perkuburan Islam iaitu sistem pengurusan perkuburan lebih teratur dengan menggunakan program komputer.

Sistem itu membolehkan data peribadi setiap jenazah disimpan bagi membolehkan waris dapat mencari lokasi kubur dengan lebih mudah serta penyelenggaraan kubur dan kawasannya yang lebih teratur termasuk dari segi susunan serta saiznya. Yang Dipertua MPAJ, Datuk Mohammad Yacob, berkata konvensyen berkenaan bermatlamat memberikan peluang kepada setiap kakitangan MPAJ mengetengahkan idea menerusi jabatan masing-masing untuk menambah baik perkhidmatan sedia ada. "Menerusi konvensyen ini, kita berharap mereka dapat bersama-sama memberikan buah fikiran mengenai cara berkesan untuk mengurangkan kos di samping memastikan perkhidmatan diberikan adalah berkesan.

Jumaat, 8 April, 2011

Belanja RM300,000 bersihkan PULAPOL KL

KUALA LUMPUR: Pengurusan PULAPOL KL membelanjakan hampir **RM300,000** untuk menjalankan kerja pembersihan klinikal di seluruh kawasan membabitkan keluasan 100 hektar, termasuk 16 bangunannya. Komandan PULAPOL KL, Senior Asisten Komisioner, Zulkifli Mohamed, berkata sebuah syarikat perkhidmatan pembersihan dilantik dengan persetujuan Kementerian Dalam Negeri (KDN) diberi tanggungjawab untuk melaksanakan tugas itu. Untuk permulaan katanya, syarikat berkenaan melakukan pembersihan klinikal secara berperingkat di 16 bangunan membabitkan 12 asrama pelatih, dewan makan, dewan 'banquet', masjid dan mass dalam tempoh seminggu bermula semalam. "Kerja pembersihan ini amat penting untuk meningkatkan tahap kebersihan di pusat latihan ini sejajar dengan kehendak Kementerian Kesihatan yang mahu kita mengambil langkah sewajarnya bagi mengelak jangkitan Adenovirus daripada berulang pada masa depan.

"Kita juga mahu mengembalikan kepercayaan orang ramai termasuk ibu bapa serta keluarga lebih 2,000 pelatih polis yang menjalani latihan di sini selepas tiga pelatih kita meninggal dunia akibat Adenovirus," katanya. Beliau berkata demikian selepas melancarkan program Gotong Royong Perdana PULAPOL KL dijayakan lebih 800 kakitangannya di sini, semalam. Turut hadir, Ahli Parlimen kawasan Setiawangsa, Datuk Seri Zulhasnan Rafique. Zulkifli berkata, pihaknya juga sudah menghantar satu kertas cadangan pada KDN dan Bukit Aman untuk mempertimbangkan satu program jangka panjang membabitkan kerja pembersihan klinikal berkala iaitu sebulan sekali membabitkan kos antara RM3 hingga RM5 juta setahun. Buat masa ini juga, semua pelatih polis di situ diberi cuti selama dua minggu bermula Isnin lalu hingga 16 April depan untuk memudahkan kerja-kerja pembersihan dilakukan.

Jumaat, 8 April, 2011

'RM5 bilion bangunkan Sarawak'

ASAJA YA: Kerajaan memperuntukkan lebih **RM5 bilion** di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan di Sarawak, kata Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal. Beliau berkata, kebanyakan projek yang membabitkan kemudahan bekalan elektrik, air dan jalan raya itu dilaksanakan di luar bandar dalam usaha kerajaan meningkatkan taraf hidup rakyat di kawasan terbabit. Katanya, kerajaan tidak pernah mengetepikan penduduk luar bandar dan ini dibuktikan dengan pelbagai projek pembangunan di kawasan terbabit di seluruh negara.

"Malah, kerajaan turut menyediakan peruntukan sebanyak RM13,500 sehektar bagi setiap penduduk yang melaksanakan projek tanam semula getah dan sawit," katanya selepas melancarkan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di Kampung Rangawan, Sadong Jaya, di sini semalam. Projek di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) itu membabitkan penyambungan bekalan elektrik di 278 rumah di kampung berkenaan. Hadir sama, Ahli Parlimen Batang Sadong, Nancy Shukri dan calon Barisan Nasional (BN) bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sadong Jaya, Aidil Lariwoo. Terdahulu, Shafie yang juga Naib Presiden UMNO meluangkan masa beramah mesra dengan penduduk di Kampung Terasi dan Kampung Jaei di sini.

Sabtu, 9 April, 2011

Projek agropolitan basmi kemiskinan luar bandar

USAHA mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah termasuk rakyat miskin di kawasan luar bandar adalah satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang diberi tumpuan oleh kerajaan ketika melaksanakan Program Transformasi Kerajaan (GTP). Justeru, kerajaan menerusi setiap kementerian dan agensinya dipertanggungjawabkan merencana dan melaksanakan pelbagai projek bagi tujuan berkenaan, sekali gus untuk merapatkan lagi jurang perbezaan antara golongan berpendapatan sederhana dan rendah pada masa akan datang. Agenda kerajaan itu jelas sekali mahu membantu golongan berpendapatan rendah seperti petani, pekebun kecil, penternak dan masyarakat Orang Asli untuk lebih berdaya saing menerusi program pembangunan sosioekonomi yang disediakan supaya mereka mempunyai pekerjaan tetap dan memperoleh pendapatan lebih baik. Pendekatan 'memberi joran dan umpan untuk menangkap ikan' jelas bertepatan dengan usaha Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) menerusi projek agropolitan yang dilaksanakan di Pahang, Kelantan dan Terengganu, dengan objektifnya untuk menyediakan pendapatan mapan untuk peserta serta mempercepatkan pembangunan ekonomi luar bandar menerusi aktiviti pertanian dan perladangan. Buat masa ini, ada empat program Agropolitan ECER yang turut menyasarkan usaha membasmi kemiskinan dan mengimbangi pertumbuhan pembangunan antara kawasan luar bandar dan bandar iaitu, di Pekan, Pahang, Gua Musang, Kelantan, Utara Kelantan dan di Besut-Setiu, Terengganu.

Secara keseluruhannya, projek itu membabitkan penyertaan 1,600 keluarga termasuk Orang Asli dengan mewujudkan 4,000 peluang pekerjaan untuk meningkatkan pendapatan bulanan isi rumah kepada RM1,000 hingga RM2,000 dalam tempoh tiga tahun pertama serta meningkat kepada RM5,000 dalam masa lapan tahun akan datang. Bagi memastikan projek itu sentiasa berdaya maju, ECERDC bekerjasama dengan FELDA sebagai agensi pelaksana bagi projek Agropolitan Pekan dan Besut-Setiu, seterusnya bertanggungjawab mengambil peserta sebagai pekerja, menyediakan latihan dan sokongan teknikal, memantau kualiti produk serta melaksanakan khidmat pembelian semula. Projek Agropolitan di Gua Musang, Kelantan membabitkan 10 peserta perintis dengan aktiviti utama ialah kelapa sawit dan akuaponik, manakala penanaman koko sebagai aktiviti sekunder dengan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) sebagai agensi pelaksana. Seramai 350 peserta lagi dijangka menyertai program itu bermula Julai ini. Di Terengganu, 100 rumah dan 52 kandang bagi penternakan kambing Boer akan dibina menerusi projek Agropolitan Besut-Setiu, dengan fasa pertama projek berkenaan membabitkan pembinaan 38 rumah, 20 kandang dan kawasan tanaman rumput yang dijangka siap Ogos ini.

Projek Agropolitan Pekan pula dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada Ogos 2009, merangkumi tiga lokasi iaitu di Batu 8, mukim Lepar, Runchang dan Tanjung Batu, mukim Bebar dengan tumpuan utama diberi kepada penternakan biri-biri jenis Dorper yang diimport dari Australia serta ladang kelapa sawit. Bermula di Runchang, projek perintis itu membabitkan 30 peserta Orang Asli yang bekerja di 11 Unit Penternakan Haiwan (APU) bagi penternakan biri-biri Dorper dan selepas hampir dua tahun beroperasi mereka sudah memperoleh pendapatan tetap lebih RM1,000 sebulan dan biri-biri berkenaan juga membiak daripada kira-kira 1,000 ekor ketika mula-mula beroperasi kepada lebih 1,334 ekor setakat ini. Berikutan perkembangan itu, ECERDC mengorak satu lagi langkah dengan pembukaan satu lagi projek yang sama di Batu 8, mukim Bebar di sini yang akan menawarkan kehidupan baru yang lebih selesa kepada 100 keluarga miskin. Antara keunikan projek Agropolitan berkeluasan 100 hektar yang akan dirasmikan Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan, hari ini ialah keluarga miskin berkenaan yang terpilih menyertai projek itu menerusi senarai e-Kasih akan ditempatkan di kawasan penempatan semula di Batu 8 yang disediakan ECERDC.

Setiap peserta disediakan sebuah rumah yang selesa dengan tiga bilik dan dilengkapi perabot termasuk set sofa dan komuniti itu turut dilengkapi pelbagai kemudahan asas seperti dewan serba guna, masjid, kedai runcit, taska, taman permainan dan pusat perniagaan. Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Datuk Jebasingam Issace John, berkata semua peserta berkenaan terbabit dengan penternakan biri-biri Dorper sebagai aktiviti ekonomi utama selain ternakan ayam dan itik dan menanam sayur-sayuran yang juga aktiviti sekunder. Ketika ini, katanya, sebanyak 30 APU yang menempatkan 3,000 biri-biri yang akan diusahakan 100 peserta berkenaan yang mula beroperasi sejak Februari lalu. "Kita akan membina 30 APU lagi yang dijangka siap dibina menjelang Julai depan bagi meningkatkan pengeluaran biri-biri Dorper yang kini sinonim dengan panggilan 'Dorper Pekan' dan mendapat sambutan menggalakkan di pasaran. "Peserta dibayar gaji harian berjumlah RM40 bagi setiap lapan jam bekerja, namun peningkatan pendapatan itu mampu dicapai melalui hasil aktiviti sekunder dan setiap peserta juga akan diberikan insentif khas hasil keuntungan projek berkenaan," katanya.

Sabtu, 9 April, 2011

Kesatuan anggap RM108 bilion tak logik

PETALING JAYA: Gabungan kesatuan kastam Malaysia semalam menyifatkan dakwaan penyelewengan berjumlah **RM108 bilion** adalah suatu yang tidak logik sambil menuntut supaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan dengan lebih profesional. Sehubungan itu juga, mereka memohon untuk mengadakan pertemuan dengan Datuk Seri Najib Razak bagi mendapatkan nasihat serta mengembalikan imej dan maruah Jabatan Kastam. Presiden Pegawai Kastam Semenanjung Malaysia, Ibrahim Ahmad, berkata pertemuan dengan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan diharap dapat merungkai masalah yang dihadapi kerana moral kakitangan terjejas berikutan laporan media yang dianggap tidak tepat dan menjelaskan kredibiliti jabatan. "Sebagai sebuah agensi yang menjadi penyumbang terbesar pendapatan negara, kami berharap masalah ini dapat diselesaikan segera. Tahun lalu kami berjaya mengumpul RM28.3 bilion dan kami melihat dakwaan yang penyelewengan RM108 bilion oleh pegawai kastam sebagai tidak logik.

"Pada masa sama kami tidak menghalang sebarang siasatan SPRM ke atas pegawai kami tetapi berharap mereka tidak dipukul atau dijentik dan dijalankan secara profesional," katanya selepas pertemuan Majlis Tertinggi Persatuan-Persatuan Pegawai Kastam di Kompleks Kastam Wilayah Persekutuan di Kelana Jaya semalam. Hadir sama, Presiden Cuepacs, Datuk Omar Osman yang bertindak sebagai pemantau perjumpaan tergempar itu. Mengulas kematian pegawai kastam, Ahmad Sarbani Mohamed, ketika disoal siasat oleh pegawai SPRM Wilayah Persekutuan Rabu lalu, beliau berkata, pihaknya berharap nama baik pegawainya itu dbersihkan. "Beliau seorang yang baik dan bertanggungjawab. Bagaimanapun kami menyerahkan kepada pihak berkuasa menentukan sama ada perlu ditubuhkan suruhanjaya siasatan diraja atau tidak," katanya.

Isnin, 11 April, 2011

Sektor pembinaan negara terus kukuh

ALIRAN berita dalam sektor pembinaan terus kekal kukuh, dengan projek besar seperti Aliran Transit Massa (MRT) dan Transit Aliran Ringan (LRT) mula meraih momentum seterusnya. Berikutan barisan berita positif itu, penganalisis di OSK Research mengekalkan penarafan belian ke atas sektor itu dengan syarikat seperti Mudajaya, Gamuda dan KimLun sebagai pilihan utama. Bagi suku pertama tahun ini, kontrak yang diberikan dalam sektor pembinaan berjumlah RM2.94 bilion, dengan 93 peratus daripadanya berpusat dalam negara. Projek domestik bernilai RM2.74 bilion itu mewakili pertumbuhan kukuh sebanyak 43.7 peratus berbanding tahun lalu. Penyumbang utama kepada pertumbuhan itu ialah pemberian kontrak membina kilang penggasan semula di Melaka bernilai RM1.07 bilion kepada Ranhill-Muhibbah Engineering. Dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, Sunway juga mengumumkan keseluruhannya lima projek bernilai **RM588 juta** merangkumi kerja pembinaan jalan, lapangan terbang, jambatan serta beberapa projek di Iskandar Malaysia. Bagaimanapun, berdasarkan perbandingan sukuan, nilai kontrak domestik pada suku pertama lalu menyusut sebanyak 41.7 peratus. OSK Research berkata, dalam keadaan begitu, ia bukan sesuatu yang memeranjatkan memandangkan suku pertama biasanya adalah tempoh paling perlahan untuk syarikat mendapatkan kontrak. Sebagai contoh, firma penyelidikan pasaran itu berkata, suku pertama hanya menyumbangkan antara 12 hingga 16 peratus daripada semua projek domestik yang diberikan pada 2009 dan 2010. "Menuju ke depan, kami menjangka peningkatan berdasarkan sukuan pada projek dalam sektor pembinaan dan mengekalkan sasaran konservatif untuk tahun ini iaitu RM18 bilion," katanya.

Sementara itu, projek luar negara yang diperoleh syarikat tempatan sepanjang suku pertama lalu adalah kecil iaitu RM205 juta berbanding RM992 juta pada suku sama tahun lalu dan RM1.56 bilion pada suku terakhir tahun lalu. "Kami menjangkakan ketegangan di Asia Barat memberi kesan kepada aliran projek luar negara tahun ini," kata OSK Research. Firma itu berkata, kebanyakan kontraktor yang dikajinya juga memberi petunjuk bahawa mereka akan menyalurkan sumber masing-masing ke Malaysia tahun ini berikutan beberapa projek yang akan dilaksanakan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). "Justeru, sebarang kejutan ke atas kontrak luar negara mungkin datang dari India, yang tahun lalu memeterai perjanjian persefahaman dengan Malaysia untuk membolehkan kontraktor tempatan terbabit dalam projek pembinaan jalan di negara itu," katanya. Terdapat banyak aliran berita dalam sektor pembinaan pada suku pertama lalu. Antaranya, ialah momentum pembinaan projek MRT yang pantas. Tender bagi prakelayakan untuk bahagian bertingkat projek MRT aliran Sungai Buloh-Kajang bernilai RM18 bilion sudah diberitahu. Kira-kira 700 kontraktor menghadiri taklimat MRT oleh Syarikat Prasarana Negara Bhd bulan lalu.

Mengikut laporan media, kontrak bagi bahagian bertingkat projek itu akan diberikan antara Mei dan Jun ini dengan kerjanya dimulakan pada Julai. OSK Research berkata, difahamkan kontrak bagi bahagian bawah tanah pula, tendernya akan dikeluarkan pada suku keempat ini. "Kami difahamkan bahawa bahagian bawah tanah sepanjang 9.5 kilometer akan merangkumi 40 peratus daripada nilai keseluruhan kontrak," katanya. Justeru, katanya, walaupun mekanisme Swiss Challenge akan digunakan untuk memilih kontraktor, dipercayai usaha sama antara Gamuda-MMC menjadi pilihan utama berikutan peranannya sebagai Rakan Pelaksana Projek (PDP) dan pihak yang bertanggungjawab mengemukakan rancangan itu kepada kerajaan. Sementara itu, syarikat yang mungkin meraih manfaat tidak langsung adalah KimLun, yang mempunyai trek rekod dalam membekalkan segmen aliran terowong kepada projek MRT Singapura. Dalam sektor tenaga pula, Tenaga Nasional Bhd menganugerahkan kontrak bernilai RM5 bilion kepada konsortium Alstom Power Systems SA untuk membina kilang Janamanjung dengan kapasiti 1,000 megawatt (MW). Di Sarawak, kontrak bernilai RM2 bilion untuk membina rangkaian jalan dijangka diberikan yang merangkumi jalan pedalaman dan akses ke empangan hidro yang terletak jauh ke dalam negeri itu. Antaranya ialah jalan sepanjang 73 kilometer ke empangan hidro Balleh, 60 kilometer ke empangan hidro Baram, jalan akses sepanjang 22 kilometer ke empangan hidro Limbang serta jalan akses sepanjang 136 kilometer ke loji arang batu Nanga Merit.

Selasa, 12 April, 2011

Peruntukan RM5.7 b tiga tahun

SPAOH (Sri Aman): Datuk Seri Najib Razak menjelaskan bahawa Sarawak mendapat perhatian istimewa kerajaan Pusat apabila menerima peruntukan **RM5.7 bilion** dalam tempoh tiga tahun bagi membangunkan infrastruktur luar bandarnya. Selain itu, Perdana Menteri berkata kerajaan Pusat turut meluluskan peruntukan RM4.5 juta untuk penyelidikan ikan empurau, sejenis ikan air tawar yang hampir pupus di Sarawak. Malah, katanya, atas permintaan pemimpin dari negeri ini juga, sejumlah RM80 juta diberikan dalam tempoh sama bagi melaksanakan kerja menyukat tanah hak adat Bumiputera (NCR) yang sebelum ini menjadi pertikaian serta isu oleh pembangkang. Perdana Menteri berkata, atas semangat Barisan Nasional (BN), kerajaan Pusat dan negeri berjaya membangunkan Sarawak dengan parti itu komited meneruskan apa yang sudah dilaksanakannya sejak dulu lagi. "BN memberi jaminan akan meneruskan segala usaha yang sudah kita lakukan termasuk memberi jaminan 90 peratus penduduk di Sarawak akan menikmati bekalan elektrik, air serta jalan raya yang lebih sempurna. "Kita bukan seperti pembangkang yang hanya datang untuk berjanji tetapi tidak pernah melakukan apa-apa untuk masyarakat di luar bandar negeri ini.... BN berjanji dan kita melaksanakannya," katanya pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat Spaoh di sini, semalam.

Majlis turut dihadiri Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas; Timbalan Ketua Menteri Sarawak selaku calon BN bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Layar, Tan Sri Alfred Jabu; calon DUN Saribas, Mohd Radzi Sitam dan calon DUN Bukit Saban, Robert Chuat. Mengulas mengenai calon BN di kawasan Betong, Najib berkata, mereka adalah gandingan antara muka lama dan baru yang diyakini mampu meneruskan pembangunan yang dirancang BN. Di SRI AMAN, Najib mengumumkan pembinaan hospital baru bernilai RM200 juta di sini, bagi menggantikan hospital lama yang dibina pada 1959. Hospital yang boleh menampung 108 katil itu akan dilengkapi kemudahan serba canggih, dengan kerja tanah akan dimulakan dalam tahun ini dan pembinaannya bermula tahun depan, dengan ia dijangka siap pada 2013.

"Kerja tanah di tapak hospital baru ini akan mengambil masa kerana sebahagian tanah tempat tapaknya adalah tanah gambut," katanya pada sidang media selepas melawat Hospital Sri Aman di sini. Ditanya lanjut mengenai penempatan pakar di hospital sedia ada sekarang, Najib berkata, Menteri Kesihatan Datuk Liow Tiong Lai, akan menguruskan segera penempatan pakar terbabit. Di PUSA (Betong), sebelum itu, penantian 125 nelayan bagi mendapatkan bantuan subsidi diesel dan elauan bulanan berakhir selepas permohonan mereka diluluskan kerajaan dan lebih manis ia diumumkan sendiri oleh Najib ketika melawat Kampung Beladin, di sini. Perdana Menteri turut mengumumkan pembinaan jeti baru di kampung itu bagi memudahkan proses memunggah ikan oleh nelayan yang selama ini berdepan kesukaran kerana tiada kemudahan itu.

Selasa, 12 April, 2011

Jambatan RM25 j hubung Brunei

LIMBANG: Kesukaran rakyat khususnya dari Sarawak dan Brunei Darussalam menyeberangi Sungai Pandaruan selebar hanya 20 meter di sempadan Malaysia-Brunei, kira-kira 15 kilometer dari sini akan berakhir tidak lama lagi melalui pembinaan jambatan bernilai **RM25 juta**. Jambatan yang boleh dilalui bot besar di bawahnya itu bukan setakat mengatasi masalah membenggu rakyat yang berulang alik dari bandar ini ke Temburong di Brunei atau sebaliknya, malah mampu meningkatkan perdagangan di antara kedua-dua negara, khususnya rakyat Sarawak dan negara berkenaan. Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor, ketika mengumumkan berita gembira itu semalam, berkata perbincangan antara kerajaan Malaysia dengan Brunei mengenai isu itu sudah berlanjutan sejak beberapa tahun lalu dan akan dimuktamadkan tidak lama lagi membabitkan aspek teknikal. "Sepatutnya mesyuarat itu diadakan minggu ini tetapi terpaksa ditangguhkan minggu depan. Kita akan mengemukakan kepada Brunei model kerjasama pembangunan di kawasan sempadan antara Malaysia-Thailand yang sudah kita buat di Bukit Bunga dan Sungai Golok, Kelantan.

"Selain pelan jambatan, ia juga membabitkan pembinaan Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantine (CIQ)," katanya ketika meninjau perkhidmatan feri di Sungai Pandaruan yang memisahkan wilayah ini dengan Temburong dalam jarak hanya kira-kira 30 meter. Ketidaaan jambatan menyebabkan kenderaan dari bandar ini dan Brunei terpaksa beratur panjang semata-mata untuk menggunakan perkhidmatan feri berantai yang mengambil masa hanyar kira-kira dua minit untuk tiba ke seberang dan kesekan bertambah buruk apabila musim perayaan atau cuti persekolahan. Pada waktu puncak, ada pemandu terpaksa menghabiskan antara dua hingga empat jam semata-mata untuk menyeberangi sungai selebar itu, terutama jika feri hanya mampu memuatkan dua kenderaan berat pada satu-satu masa. Kadar tambang dikenakan RM8 bagi kereta manakala bas atau lori (RM40) dan treler (RM80). Shaziman berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) juga memperuntukkan RM20 juta bagi menaik taraf laluan Pan Borneo menghubungkan Miri dengan Kota Kinabalu, Sabah sepanjang 1,357 kilometer yang dibina pada 1960-an, terutama bagi kerja meluruskan selekoh tajam dan membaiki jalan rosak. Mengenai kerja melebarkan Jalan Miri-Pujut-Tudan sepanjang 13 kilometer daripada satu lorong dua hala kepada dua lorong dua hala membabitkan kos RM115 juta, beliau berkata, ia akan dilaksanakan tidak lama lagi, sekali gus menepis dakwaan pembangkang yang menuduh laluan berkenaan akan terus kekal sebeginu rupa.

Rabu, 13 April, 2011

Sasar RM5.8 trilion (HL)

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mengumumkan beberapa inisiatif baru menerusi pelancaran Pelan Induk Pasaran Modal Kedua (CMP2) bagi memastikan pasaran modal negara kekal menarik di kalangan pelabur serta merancakkan lagi Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) selaras matlamat menjadi negara maju pada 2020. Ia dibuat ketika pasaran dunia khususnya Asia bersaing sengit merebut modal bagi meraih pertumbuhan tinggi dalam ekonomi dan daya saing perniagaan, sekali gus memakmurkan negara masing-masing. Perdana Menteri berkata, CMP2 bagi tempoh 10 tahun akan datang, menggariskan langkah untuk mengurangkan kerentahan birokrasi bagi kelulusan perniagaan, meningkatkan penjanaan dana bagi modal perniagaan, memperuntukkan lebih banyak dana dalam industri modal teroka dan ekuiti persendirian serta meningkatkan akses kepada pasaran bon bagi merangsang pelaksanaan projek besar. Katanya, kerajaan sedar cabaran ekonomi Malaysia pada 2011 sangat berbeza berbanding 2001, iaitu ketika Pelan Induk Pasaran Modal pertama dilancarkan. Masalah baru menuntut penyelesaian baru dan CMP2 menjanjikan saiz pasaran modal yang lebih besar. "Berdasarkan jangkaan semasa, saiz pasaran modal kita akan menjadi lebih sekali ganda kepada RM4.5 trilion pada 2020 dan dengan pengantarabangsaan, angka itu boleh meningkat kepada RM5.8 trilion dalam tempoh itu," katanya ketika menyampaikan ucaptama pada Persidangan Invest Malaysia 2011 di Kuala Lumpur, semalam.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, satu skim dana pencegah swasta akan ditubuhkan menjelang akhir tahun ini bagi menggalakkan kepelbagaian dalam pengurusan simpanan jangka panjang. Selain itu, keupayaan pengurus dana untuk melabur secara langsung akan dipermudahkan melalui pengukuhan struktur perundangan bagi pengumpulan pelaburan. "Meningkatkan bilangan produk pasaran derivatif adalah satu lagi perkembangan penting bagi meningkatkan kecairan pasaran, menambah baik keupayaan untuk dagangan merentasi pasaran dan lindung nilai risiko. "Nilai semasa dagangan tahunan dalam pasaran derivatif dijangka berkembang pesat daripada RM512 bilion tahun lalu kepada RM4.2 trilion pada 2020, dengan kesan limpahan yang positif ke atas kecairan pasaran saham," katanya.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, antara keutamaan CMP2 adalah untuk mengukuhkan peranan pasaran modal dalam menggalakkan pembentukan modal daripada peringkat permulaan kepada pembiayaan inovatif, projek besar baru dan teknologi hijau yang canggih. Bagi menggalakkan transaksi berskala besar, katanya, akses kepada pasaran bon akan diperluas, mempertingkat minat pelabur terhadap penawaran pelbagai produk hutang dan risiko kredit, memperluas penyertaan industri pengurusan pelaburan dan pelabur runcit dalam pelaburan pendapatan tetap, serta menambah baik infrastruktur pasaran. Mengenai Rang Undang-undang pengkorporatan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang diumumkan pada persidangan tahun lalu, Najib menjelaskan, ia telah dibentangkan di Dewan Rakyat dan dijangka akan berkuat kuasa pada Julai. Menerusi langkah berkenaan, katanya, MIDA akan diperkasakan sepenuhnya untuk mempercepatkan membuat keputusan dan menyelaraskan agensi promosi pelaburan yang lain bagi meningkatkan keupayaan pengeluaran ditambah nilai yang tinggi Malaysia dan mengembangkan sektor perkhidmatan.

Rabu, 13 April, 2011

10 lagi projek ETP bakal diumum

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak bakal mengumumkan sembilan atau 10 lagi projek permulaan (EPP) menerusi Program Transformasi Ekonomi (ETP) negara Jumaat ini. Ia adalah pengumuman kelima ETP sejak yang pertama pada 25 Oktober tahun lalu membabitkan 60 EPP dengan pelaburan keseluruhan bernilai RM95.35 bilion yang dianggarkan menyumbang sehingga RM137.2 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) Malaysia menjelang 2020 dan mampu mewujudkan sehingga 224,000 pekerjaan baru. "Kami akan mengumumkan beberapa lagi projek dalam pengumuman kelima ini," kata Ketua Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Datuk Seri Idris Jala pada Invest Malaysia 2011 di Kuala Lumpur, semalam. Mengenai pencapaian Program Transformasi Kerajaan (GTP), beliau berkata, program itu berjaya mencapai 120 peratus sasarnya walaupun baru setahun dilaksanakan. "Ketika ini jumlah pelaburan asing semakin banyak masuk ke negara ini dan angka perdagangan serta perbelanjaan adalah bukti kejayaan GTP. "Berdasarkan usaha dilaksanakan, saya percaya bermula setahun dari sekarang, projek yang sedang dan akan diumumkan akan menjadi pemacu ekonomi negara," katanya.

Difahamkan, antara EPP yang akan diumumkan Perdana Menteri membabitkan projek dalam sektor minyak, gas dan tenaga, serta pembangunan Greater KL dan Lembah Klang. Ia berkemungkinan termasuk pembangunan projek Rel Kelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura yang dikenal pasti sebagai pemangkin berpotensi untuk meningkatkan perjalanan antara kedua-dua bandar raya itu. Projek Rel Kelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura itu adalah antara projek yang sudah dikenal pasti menerusi Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) pembangunan Greater KL dan Lembah Klang. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dalam kenyataannya sebelum ini berkata kajian daya maju projek itu yang dilaksanakan bersama pihaknya dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan dan PEMANDU dijangka disiapkan Jun ini. Rancangan pembangunan projek berimpak tinggi itu adalah sebahagian pelan jangka panjang bagi meningkatkan kegiatan ekonomi antara kedua-dua negara menerusi rel kelajuan tinggi menghubungkan Pulau Pinang-Kuala Lumpur-Singapura. Menerusi ETP, kerajaan menumpu kepada 12 NKEA yang mampu menyokong sasaran menjadikan negara ini sebuah ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020. NKEA terbabit adalah dalam sektor minyak, gas dan tenaga; sawit; perkhidmatan kewangan; perkhidmatan perniagaan; elektronik dan elektrik; pemborong dan peruncit; penjagaan kesihatan; infrastruktur dan isi kandungan komunikasi; pertanian serta pembangunan Greater KL dan Lembah Klang.

Khamis, 14 April, 2011

RM80 juta untuk laksana program latihan, kemahiran

KEMENTERIAN Pengajian Tinggi memperuntukkan RM80 juta setahun untuk menjalankan program latihan dan kemahiran di bawah Program Latihan 1Malaysia di 72 kolej komuniti di seluruh negara, termasuk di tiga kolej komuniti di Sarawak. Menterinya, Datuk Seri Mohd Khaled Nordin, berkata program yang dicetuskan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak itu bertujuan meningkatkan modal insan dalam kalangan rakyat. Beliau berkata, program itu juga bertujuan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat, mengeratkan silaturahim antara penduduk dan mengatasi masalah sosial melalui penyertaan masyarakat dalam program latihan dan kemahiran itu.

"Ia adalah usaha jangka panjang kerajaan Barisan Nasional (BN) untuk membantu rakyat berdikari dengan membekalkan kemahiran kepada mereka," katanya pada Majlis Penyampaian Sijil Program Asas Keusahawanan Latihan 1Malaysia Kolej Komuniti Zon Sarawak di Dewan Masyarakat Kampung Baru Seberang, di Sarikei, Ahad lalu. Hadir sama Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Prof Madya Kamarudin Kasim; Ahli Parlimen Sarikei, Ding Kuong Hieng dan calon BN bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Belawai, Datuk Len Talif Salleh. Terdahulu Khaled menyampaikan sijil program latihan 1Malaysia kepada 201 peserta, merangkumi 110 peserta program latihan keusahawanan dan 91 peserta kursus latihan 1Malaysia. Program Latihan 1Malaysia yang dilaksanakan menerusi kolej komuniti di seluruh negara ialah ilham Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2011 untuk membantu meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat setempat menerusi program latihan yang merangkumi latihan asas keusahawanan, kursus asas jahitan, kursus asas jahitan langsir dan masakan Barat. Suri rumah, Melati Jemali, 43, yang mengikuti kursus masakan Barat, berkata beliau bercadang untuk menjual piza dan spaghetti di rumah kedainya yang sebelum ini menjual kuih-muih tradisional untuk mencari pendapatan tambahan. "Saya dapati kursus selama tiga hari dengan yuran minimum ini sangat berfaedah kepada masyarakat setempat terutama golongan ibu dan orang muda yang menganggur. Dengan kemahiran ini, mereka boleh teruskan hidup dan belajar di peringkat lebih tinggi," katanya. Ketika ini terdapat tiga kolej komuniti di Sarawak iaitu Kuching, Mas Gading dan Miri dengan kerajaan merancang membina sebuah kolej komuniti di Sarikei.

Khamis, 14 April, 2011

Kastam rugi duti import RM3.41b

PETALING JAYA: Kastam Diraja Malaysia (KDRM), menjelaskan anggaran kebocoran atau kerugian hasil duti import yang sepatutnya dikutip agensi itu sepanjang tahun lalu sebanyak **RM3.41 bilion**. Ketua Pengarahnnya, Datuk Seri Mohamed Khalid Yusuf berkata, pada 2010 KDRM mencatat kutipan duti import RM7.68 bilion atau 30 peratus daripada RM11.09 bilion anggaran yang sepatutnya dikutip. Katanya, jumlah itu normal dan mengikut standard Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi agensi pemungut hasil di negara membangun. Beliau berkata, kebocoran itu dipercayai akibat penyelewengan pihak tidak bertanggungjawab mengikrarkan barang dagangan import dengan nilai rendah berbanding sepatutnya. Katanya, menurut kajian IMF, tiada agensi pemungut hasil di seluruh dunia mengutip 100 peratus disebabkan pelbagai faktor termasuk pihak tidak bertanggungjawab meraih untung melalui penipuan ketika mengikrarkan nilai barang serta cubaan lari membayar cukai.

Sehubungan itu, katanya, nilai kebocoran duti import disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerusi Operasi 3B adalah RM3.41 bilion, bukan RM108 bilion seperti dilaporkan akhbar tertentu, siasatan itu turut membabitkan beberapa pihak lain. Mohamed Khalid berkata, KDRM satu daripada enam agensi dalam pasukan penyiasat dipengerusikan Peguam Negara menerusi Operasi 3B yang dianggotai Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Gabenor Bank Negara, Ketua Polis Negara dan SPMR. "Malah, KDRM menghantar 20 pegawai pakar pelbagai bidang menyertai pasukan penyiasat itu bagi me-mastikan pihak menyeleweng, dikenakan tindakan tegas. "Laporan kononnya wang berselerak dalam rumah seorang pegawai kastam juga tidak berasas dan menjaskan imej kami, memang wang ditemui di rumah itu, tetapi tidak berselerak," katanya selepas merasmikan persidangan Kastam Kebangsaan anjuran Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM) di sini, semalam.

Khamis, 14 April, 2011

Kerajaan tubuh MPRC bangun industri minyak

KERAJAAN akan menubuhkan sebuah agensi khas, Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia (MPRC) dalam tempoh terdekat ini bagi merangsang pembangunan industri minyak dan gas negara. Ketua Eksekutif Sementara MPRC, Dr Shahreen Madros, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan membuat pengumuman terperinci mengenai penubuhan agensi itu tidak lama lagi. "Kami sedang meninjau keperluan modal insan, pemasaran dan cara untuk mempromosikan industri ini dengan lebih jauh," katanya kepada pemberita di luar persidangan Invest Malaysia 2011. Shahreen berkata, cadangan bagi penubuhan MPRC adalah daripada Unit Penyampaian dan Pengurusan Prestasi (PEMANDU) dan agensi itu akan diletakkan di bawah Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA).

Beliau bagaimanapun tidak mengulas lanjut mengenai fungsi dan peranan khusus agensi itu dalam industri minyak dan gas di Malaysia. Terdahulu pada sesi pleno bertajuk 'Menjadikan Malaysia Hab Serantau Minyak dan Gas' pada persidangan itu, Naib Presiden Eksekutif PETRONAS, Datuk Wee Yiaw Hin, berkata era mudah dalam perniagaan minyak dan gas di Malaysia sudah berakhir, sekali gus memberi cabaran baru kepada peserta dalam sektor berkenaan. Katanya, bagi mengekalkan paras pengeluaran semasa, PETRONAS perlu berusaha lebih keras untuk mendapatkan lebih banyak sumber daripada lapangan sedia ada serta meneroka sumber baru. "Kami perlu menggunakan teknologi dan keupayaan global untuk membantu usaha itu kerana kumpulan sedang memulakan penerokaan laut dalam," katanya. Yiaw Hin berkata, bagi tujuan itu, PETRONAS akan terus melaksanakan inisiatif secara agresif dan membangunkan penyelesaian inovatif untuk meningkatkan simpanan minyak dan meraih keuntungan daripadanya. Pada masa sama, katanya, peserta industri minyak dan gas di Malaysia juga perlu meningkatkan keupayaan dan kepakaran masing-masing dalam teknologi lapangan minyak kecil dan sub permukaan.

Jumaat, 15 April, 2011

RM110j bangun taman herba

KERAJAAN akan membelanjakan **RM110 juta** dalam tempoh tiga tahun ini bagi pembangunan infrastruktur di empat projek taman herba di kawasan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Projek taman herba seluas lebih 1,000 hektar itu akan dibangunkan menerusi Projek Permulaan (EPP) bagi sektor pertanian melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) dalam usaha menjadikannya hab industri herba di Malaysia. Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata projek perladangan herba itu dijangkakan menjana Pendapatan Negara Kasar (GNI) RM3.25 bilion menjelang 2020 dan mewujudkan lebih 2,500 peluang pekerjaan dan 530 pekebun kontrak. Katanya, pelaksanaan projek taman herba itu mampu mengukuhkan lagi kedudukan ECER sebagai pusat kecemerlangan industri yang mampan dan berdaya maju dalam industri herba. "Pertumbuhan industri herba bukan saja bersandarkan kepada kepelbagai sumber asli negara, malah kekuahan sektor pembuatan mampu meningkatkan pemprosesan dan pembuatan produk berkaitan kesihatan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Simposium Peluang Pelaburan dan Perniagaan Dalam Industri Herba di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Ketua Eksekutif Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Datuk Jebasingam Issace John; dan Ketua Eksekutif Malaysian Biotech Corporation, Datuk Iskandar Mizal Mahmood. Fasa pertama projek yang membabitkan tanah seluas 406 hektar di Pasir Raja, Dungun dan 327 hektar di Chegar Perah, Lipis dijangka diselesaikan menjelang suku pertama 2012. Fasa kedua merangkumi pembangunan ladang herba seluas 151 hektar dan Rantau Manis, Gua Musang seluas 323 hektar pula dimulakan pada fasa kedua Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe10) (2012-2013). Nor Mohamed berkata, untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam projek itu, ECERDC akan melantik sebuah syarikat induk bagi setiap kawasan projek herba yang akan menerajui rantai nilai herba di ECER. Katanya, syarikat itu akan menikmati pelbagai insentif diberikan kerajaan antaranya pengecualian cukai selama 10 tahun berkuat kuasa daripada tarikh syarikat mencatat keuntungan. Beliau berkata, industri herba Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan pada kadar 15 peratus setahun dengan nilai pasaran dianggarkan meningkat dari RM7 bilion pada 2010 kepada RM29 bilion pada 2020. Katanya, kerajaan komited untuk menjadikan Malaysia hab serantau bagi kluster herba menjelang 2020, menerusi usaha promosi meluas di dalam dan luar negara.

Sabtu, 16 April, 2011

Projek di sempadan Brunei jadi penentu

KUALA LUMPUR: Projek 'Frequent Travellers Facility' (FTF) bagi manfaat rakyat tempatan dan warga asing yang sering berulang alik antara Malaysia-Brunei Darussalam, akan diperluaskan ke negara ASEAN. Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Alias Ahmad, berkata projek perintis FTF Malaysia-Brunei yang bermula 1 Ogos ini, bakal menentukan tindakan susulan yang akan diambil berhubung pelaksanaannya. "Jika projek perintis dengan Brunei Darussalam menampakkan hasil positif, kita akan memperluaskannya ke negara ASEAN, terutama Thailand, Indonesia dan Singapura," katanya ketika dihubungi di sini, semalam. Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan, mulai 1 Ogos ini FTF akan dilaksanakan di Sungai Tujooh di Miri, Tedungan dan Pandaruan di Limbang yang akan memberi manfaat kepada mereka yang sering berulang-alik antara Malaysia dan Brunei Darussalam. Menerusi FTF, cop pengesahan sekali bagi setiap tempoh 30 hari kemasukan diperlukan berbanding kini yang mana cop pengesahan dibuat setiap kali melalui pintu masuk dan keluar.

Alias berkata, kelonggaran yang diberikan menerusi FTF ini juga dapat menarik minat pelabur dan penduduk tetap menggunakaninya untuk manfaat penduduk dan negara terbabit. "Perjalanan mereka akan direkodkan dalam sistem imigresen bagi memudahkan pemantauan," katanya. Sepanjang tahun lalu, seramai 440,000 rakyat Brunei Darussalam keluar dan masuk ke negara ini menerusi pintu masuk Tedungan saja. Katanya, rakyat Singapura yang memasuki negara ini menggunakan Sistem Kawalan Keluar Masuk Automasi Malaysia (MACS) yang mana pemegang MACS mendapat faedah daripada pemprosesan mengautomasi imigresen yang lebih cepat melalui akses lorong keluar dan masuk khas. Mengenai pasport percuma kepada 10,400 pegawai dan kakitangan imigresen, Alias berterima kasih kerana ia membuktikan pengiktirafan kerajaan terhadap usaha agensi itu yang mengendalikan pelbagai urusan membabitkan 24.5 juta warga asing serta 27 juta rakyat negara ini setiap tahun. Malah, katanya, sepanjang tahun lalu juga, **imigresen mencatatkan perolehan mencecah RM2.4 bilion daripada bayaran levi, kompaun dan pas visa.**

Sabtu, 16 April, 2011

Johor lulus projek tren komuter moden RM1.23b

KERAJAAN negeri Johor sudah meluluskan cadangan pembinaan rangkaian perkhidmatan tren komuter moden antara bandar bernilai **RM1.23 bilion** yang dijangka akan menarik minat 30 juta orang menggunakan kemudahan itu setiap tahun. Projek itu akan diberikan kepada Metropolitan Commuter Network Sdn Bhd (MCN), iaitu syarikat usaha sama antara KUB Malaysia Bhd dengan Malaysia Steel Works (KL) Bhd. Cadangan pembinaan projek yang sebelum ini dikemukakan MCN kepada Kerajaan Persekutuan membabitkan operasi perkhidmatan rangkaian tren antara bandar di sekitar Iskandar Malaysia dan Singapura. Menerusi cadangan itu, MCN akan membina tujuh stesen baru dan 16 perhentian bagi menghubungkan semua pinggir kota utama di Iskandar Malaysia yang membabitkan rangkaian rel sepanjang lebih 100 kilometer. Sistem tren berkenaan akan menyediakan perkhidmatan kepada semua kawasan pembangunan utama akan datang di Iskandar Malaysia seperti Johor Premium Outlet, Legoland Malaysia, Educity, Senai High Tech Park dan Lake Hill Resort City. Mengulas mengenainya, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman Abdul Ghani, berkata pelaksanaan projek itu sejajar dengan sasaran yang ditetapkan Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) di bawah Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) dan pelan tindakan pengangkutan Iskandar Malaysia.

"Perkhidmatan komuter itu sudah tentunya pelaburan yang tepat dan serentak dengan pembangunan kawasan utama Iskandar Malaysia pada 2012. Semua pembangunan komersial utama lain turut dijangka mendapat faedah daripada perkhidmatan komuter itu," katanya menerusi kenyataan yang dikeluarkan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) di Johor Bahru semalam. Abdul Ghani yang juga Penggerusi Bersama IRDA, menjangkakan perkhidmatan komuter itu bakal meningkatkan lagi nilai harta tanah di sepanjang cadangan laluannya. Sementara itu, Ketua Eksekutif IRDA, Ismail Ibrahim, berkata projek itu berupaya menyediakan perkhidmatan perantara dari JB Sentral ke Woodlands di Singapura. Justeru, pihaknya komited untuk memastikan wujudnya sistem bas perantara yang cekap dan mencukupi bagi menyokong perkhidmatan rel antara bandar itu. "Selain memberikan kesan ketara dalam pengurangan trafik di kawasan perniagaan komersial Johor Bahru dan Singapura, inisiatif ini juga akan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau," Perkhidmatan rel itu dijangka menyediakan kesan limpahan yang besar, menjana beribu-ribu peluang pekerjaan dalam sektor pelancongan, pembangunan harta tanah dan runcit. Penggerusi MCN, Datuk Abdul Halim Abdul Samad pula berkata, syarikat terbabit bakal melancarkan perkhidmatan tren antara bandar itu pada tahun depan, dengan jumlah penggunaan 19 tren tiga gerabak menjelang 2013 untuk menyediakan kepada keperluan rakyat.

Sabtu, 16 April, 2011

RM19.8j bagi pembangunan Beting Maro

PUSA (BETONG): Kerajaan memperuntukkan RM19.8 juta bagi melaksanakan projek pembangunan luar bandar di sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Beting Maro. Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohamad Shafie Apdal, berkata buat permulaan, Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) bernilai RM802,000 sedang dilaksanakan untuk memanfaatkan 142 rumah di Pusa. "Kita kemudian akan meningkatkan jumlah bekalan air ke sini bagi membolehkan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) bernilai RM19 juta bagi 1,500 rumah dapat dilaksanakan," katanya pada Majlis Mesra Rakyat di Kampung Seberang Pusa, di sini semalam. Beliau turut mengumumkan pakej baik pulih kediaman penduduk di kampung berkenaan bernilai RM732,000 dan naik taraf dewan bernilai RM200,000.

Isnin, 18 April, 2011

Unjur jualan produk peneroka RM1.5b

FELDA mengunjurkan jualan produk keluaran peneroka bernilai **RM1.5 bilion** tahun ini. Timbalan Pengurus Besar Jabatan Pembangunan Usahawan FELDA, Abidin Abd Rahman, berkata hasil jualan produk peneroka Felda tahun lalu bernilai RM1.06 bilion, melebihi sasaran asal sebanyak RM1 bilion. Beliau berkata demikian ketika berucap sempena program Simposium & Ekspo Usahawan Felda (SIMEX), Wilayah Sahabat, di sini hari ini. SIMEX yang julung kali diadakan di Tawau, dirasmikan oleh Anggota Dewan Undangan Negeri Sebatik, Abdul Muis Picho yang mewakili Anggota Parlimen Kalabakan, Datuk Abdul Ghapur Salleh. SIMEX diadakan untuk mempromosi dan memasarkan produk peneroka Felda kepada masyarakat luar serta sebagai mekanisme mewujudkan jaringan perniagaan bersama usahawan lain.

Abidin juga berkata, pihaknya ingin menjadikan FELDA sebagai hab produk halal di negara ini untuk memenuhi permintaan produk halal yang semakin meningkat di kalangan pengguna di Malaysia. Beliau berkata, walaupun hasrat itu bukan satu perkara mudah untuk dicapai, namun ia juga tidak mustahil direalisasikan jika peneroka memiliki keazaman tinggi serta komitmen berterusan ke arah itu. Abdul Muis dalam ucapannya menyarankan peneroka FELDA supaya merebut peluang yang disediakan oleh pihak pengurusan FELDA untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka selain bergantung kepada buah sawit. Katanya, berdasarkan statistik, seramai 509 daripada 1,647 peneroka FELDA Wilayah Sabah di Lahad Datu terbabit dalam aktiviti keusahawanan seperti dalam sektor perniagaan, perkhidmatan, perusahaan, kraftangan, ternakan, industri asas tani dan akuakultur. "Nilai jualan keseluruhan (usahawan peneroka FELDA Sahabat) tahun lalu mencérah RM21 juta berbanding RM20 juta pada tahun 2009," kata Abdulnya.

Isnin, 18 April, 2011

IRDA tinjau kawasan baru

PIHAK Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) sedang meninjau beberapa lokasi di Iskandar Malaysia untuk dimajukan sebagai kawasan perindustrian baru dalam usahanya meningkatkan jumlah pelaburan ke wilayah pembangunan selatan itu. Antara lokasi yang dikenal pasti oleh badan pemantau dan pelaksana wilayah ekonomi itu termasuk kawasan berdekatan Pasir Gudang, Senai dan sekitar Tanjung Pelepas. Ketua Eksekutifnya, Ismail Ibrahim, berkata kawasan baru itu akan menyokong kawasan perindustrian sedia ada di semua zon Iskandar Malaysia yang sudah beroperasi. Katanya, kawasan baru itu akan memberi tumpuan kepada beberapa sektor berdaya maju antaranya taman teknologi maklumat, bioteknologi, industri kreatif dan pemprosesan agro makanan. "Kami sedang berbincang dengan kerajaan negeri untuk memuktamadkan rancangan berkenaan," katanya dalam satu temubual dengan Berita Harian di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Setakat ini zon perindustrian di Iskandar Malaysia bertumpu kepada beberapa kawasan sedia ada yang sudah menerima pelaburan sejak beberapa dekad lalu iaitu Senai dan Pasir Gudang yang menjadi tapak operasi industri berat dan sederhana. Selain itu, terdapat juga kawasan perindustrian di Tanjung Langsat yang dibangunkan kira-kira 10 tahun lalu. Kawasan pembangunan baru di Nusajaya pula menumpu kepada pelaburan dalam sektor pelancongan, pendidikan, penjagaan kesihatan dan logistik manakala ibu negeri Johor Bahru pula ditumpukan kepada sektor kewangan. Ismail berkata, IRDA kini menyasar menarik purata pelaburan bernilai RM13 bilion setahun untuk tempoh lima tahun akan datang, yang mewakili pertumbuhan sebanyak lapan peratus. "Kami menyasarkan pertumbuhan lebih tinggi daripada sasaran pertumbuhan purata ekonomi negara iaitu antara lima hingga enam peratus sepanjang tempoh itu," katanya.

Bagi tujuan itu, beliau berkata IRDA kini giat mempromosikan Iskandar Malaysia sebagai lokasi pelaburan di peringkat domestik dan luar negara bagi menarik kedatangan pelabur baru dan juga syarikat sedia ada. Pelaburan di Iskandar Malaysia setakat akhir tahun lalu mencecah RM69.48 bilion, sekali gus mengatasi sasaran pelaburan lima tahun pertamnya sebanyak RM47 bilion. Ismail menegaskan, Iskandar Malaysia kekal menjadi lokasi pelaburan yang menarik kerana ia menumpu kepada portfolio yang luas merangkumi sembilan sektor berbeza serta kos melaksanakan perniagaan yang berdaya saing dengan infrastruktur bermutu tinggi. Dalam perkembangan sama, beliau berkata Iskandar Malaysia akan menyaksikan beberapa lagi pelaburan berskala mega dalam tempoh terdekat ini di bawah sektor penjagaan kesihatan dan industri kreatif. "Kami akan mengumumkan perkembangan itu tidak lama lagi," katanya.

Rabu, 20 April, 2011

Bandar sukan RM20 juta dibina

MELAKA: Melaka bakal memiliki sebuah bandar sukan berharga kira-kira RM20 juta yang bakal dibina berhampiran Kompleks Sukan Hang Jebat di Cheng dekat sini, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam. Beliau berkata, projek pembangunan berkonsepkan deretan rumah kedai itu dijangka bermula selewatlewatnya Jun ini. Katanya, pembinaan bandar di kawasan seluas 20 hektar yang mengambil konsep bandar sukan di Bern, Switzerland itu akan menjual pelbagai jenis peralatan sukan dari dalam dan luar negara sepenuhnya, termasuk barang sukan paralimpik. "Projek yang dijangka menempatkan kira-kira 50 lot deretan rumah kedai dengan setiap satu berharga kira-kira RM400,000 dijangka bermula Jun ini, sekali gus dapat mempergiatkan lagi pertumbuhan industri dan perkembangan sukan tempatan di negara ini. "Setakat ini, kerajaan negeri sedang mencari rakan kongsi untuk melaksanakan projek berkenaan dan saya berharap syarikat sukan besar di negara ini dapat bekerjasama dengan kita bagi membina bandar sukan ini," katanya selepas merasmikan Konvensyen Kebangsaan Gerakan Paralimpik Negara (GPN) Sedekad 2011-2020 di Hotel Belia Dunia, Ayer Keroh dekat sini, baru-baru ini.

Rabu, 20 April, 2011

Bomba turunkan nilai kebakaran RM757 juta

KEPALA BATAS: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menurunkan nilai kerugian akibat kebakaran yang dialami rakyat negara ini kepada RM757 juta pada tahun lalu, berbanding RM1 bilion pada 2009. Ketua Pengarahnya, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim, berkata penurunan kerugian sebanyak 24.5 peratus itu menunjukkan keberkesanan pasukan dalam usaha menyelamat harta benda apabila berlaku kebakaran. "Kami berpuas hati dengan perkembangan ini dan percaya aliran ini tidak hanya untuk jangka masa pendek. Selagi anggota kami boleh bertindak balas dengan segera terhadap panggilan dan kecemasan daripada orang ramai, kami mampu mengurangkan jumlah kerugian harta benda akibat kebakaran," katanya pada sidang media selepas melawat Balai Bomba dan Penyelamat Kepala Batas di Bertam di sini, semalam.

Jumlah kes kebakaran dan kecemasan di seluruh negara yang berlaku sepanjang tahun lalu juga mencatatkan penurunan sebanyak dua peratus iaitu 56,643 kes berbanding 55,529 kes pada tahun sebelumnya. Sementara itu, Wan Mohd Nor berkata, jumlah kes kebakaran di Pulau Pinang dari Januari hingga Mac lalu adalah sebanyak 607 kes, dengan separuh daripadanya membabitkan bangunan, kenderaan dan lalang. Jumlah kerugian dicatatkan berjumlah RM28,123, manakala harta benda yang berjaya diselamatkan RM264,510. Beliau menasihati orang ramai menghubungi segera bomba jika berlaku kebakaran bagi membolehkan bomba sampai awal di tempat kejadian. "Orang awam selalu mendakwa bomba sampai lewat di tempat kejadian dan menurut rekod, kami lambat menerima panggilan kebakaran dan ini membuatkan anggota saya gagal sampai awal di tempat kejadian. "Jabatan Bomba dan Penyelamat sendiri menetapkan masa 10 minit untuk tiba di lokasi bagi kejadian yang dekat selepas menerima panggilan dan kurang 20 minit bagi tempat yang agak jauh," katanya.

Rabu, 20 April, 2011

PM umum 7 inisiatif projek baru ETP

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak semalam mengumumkan tujuh inisiatif projek baru di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dengan jumlah pelaburan RM901.5 juta menjelang 2020 selain mengulas perkembangan lima projek yang diumumkan pada taklimat perkembangan ETP 11 Mac lalu. Perdana Menteri berkata, semua 12 projek terbabit di bawah tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) akan menjana pelaburan RM11.6 bilion, pendapatan negara kasar (GNI) RM16.62 bilion selain 74,457 peluang kerja baru. "Setakat ini, kita sudah umumkan 72 inisiatif projek di bawah 54 Projek Permulaan (EPP), bermakna 41.2 peratus daripada 131 EPP sudah dimulakan, semuanya dalam tempoh kurang enam bulan sejak ETP dilancarkan. "Sasaran kita sekarang ialah projek yang hasilnya besar yang pantas," katanya ketika berucap pada majlis menyampaikan laporan kemajuan kelima ETP, di sini, semalam. Hadir sama, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamad serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala. Antara projek terkini itu termasuk penubuhan hab pembuatan perkakasan rumah elektrik Pensonic Holdings Sdn Bhd dan rangkaian pengedaran antarabangsa di Pulau Pinang, membabitkan pelaburan RM250 juta. Infineon Technologies pula akan melabur RM480 juta bagi memperluaskan dan menaik taraf keupayaan pengeluaran, kemudahan pembuatan serta penyelidikan dan pembangunan di Melaka.

Bagi meningkatkan kecekapan pelepasan kontena dan kurangkan masa beratur di pusat pemeriksaan kastam, menambah baik keselamatan melalui pengesanan automatik kontena terbuka dan mengoptimumkan sumber manusia untuk perkhidmatan lebih baik, RM45 juta akan dilabur bagi menyediakan infrastruktur Pengenalan Frekuensi Radio (RFID). MyLED Master Sdn Bhd dan anak syarikatnya, MyLED Opto Technology Sdn Bhd pula akan melaburkan RM175 juta bagi memperluaskan kemampuan pembuatan mereka dalam sektor teknologi hijau. Di sektor penyiaran pula, kata Najib, rangkaian penyiaran mudah alih dalam pengangkutan awam, Asia Media, akan melabur RM500 juta bagi membangunkan infrastruktur Penyiaran TV-Transit Langsung Digital pertama di Malaysia, yang juga salah satu agenda Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur (CCI).

Rabu, 20 April, 2011

Cukai tanah UUM kekal RM1.7j

ALOR SETAR: Kerajaan PAS Kedah tetap dengan keputusannya untuk mengekalkan kadar cukai tanah ke atas Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok sebanyak RM1.743 juta setahun kerana tempoh pemberian rebat selama dua tahun bermula 2006 sudah tamat. Bagaimanapun, Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak, berkata pihak pengurusan UUM boleh memohon untuk mendapatkan rebat cukai tanah kepada kerajaan negeri jika institusi itu menghadapi masalah kewangan untuk membayarnya. Kerajaan negeri tidak boleh melanjutkan tempoh rebat yang berakhir pada 2008, kerana ia menjelaskan pendapatan kerajaan negeri, selain kadar cukai tanah di negeri ini adalah yang terendah di kawasan utara. Beliau menjelaskan sepanjang tempoh dua tahun diberi rebat, UUM hanya membayar cukai tanah sebanyak RM100,000 setahun dengan kerajaan negeri menanggung kerugian lebih RM1.6 juta setahun. "Jika UUM masih ingin mendapatkan rebat, mereka boleh merayu dan kita akan membuat keputusan."

Kadar cukai tanah dikenakan ke atas UUM juga adalah sama dengan kadar dikenakan terhadap semua jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan lain. "Kita memberi kelonggaran dengan membenarkan mereka membayar cukai secara ansuran," katanya kepada pemberita di sini, semalam. Beliau berkata demikian menjelaskan kekeliruan berikutnya kenyataan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, kelmarin yang melahirkan rasa kesal dengan tindakan kerajaan PAS Kedah menaikkan cukai tanah di UUM sehingga 10 kali ganda. Mohamed Khaled juga dilaporkan kecewa kerana kerajaan PAS Kedah gagal menyelesaikan kekurangan bekalan air di UUM sejak setahun lalu dan keadaannya semakin meruncing. Azizan menjelaskan kerajaan negeri tidak pernah menaikkan cukai tanah, sebaliknya kadar cukai RM1.743 juta setahun dikenakan selepas tamat tempoh rebat.

Mengenai masalah bekalan air di UUM, Azizan menjelaskan saluran paip utama ke kampus universiti itu dan loji rawatan air Pelubang mempunyai keupayaan untuk membekalkan air mencukupi bagi UUM, tetapi infrastruktur bekalan airnya tidak dinaik taraf sejak kampus dibuka 20 tahun lalu menyebabkan gangguan bekalan air. "Infrastruktur air di UUM dibina bagi menampung keperluan 10,000 pelajar dan kakitangan, tetapi kini warganya sudah mencecah 30,000 orang, selain pembukaan projek perumahan, hotel dan padang golf berhampiran. "Sehubungan itu, kita sarankan UUM menaik taraf infrastrukturnya sebagaimana dilakukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang membelanjakan RM100 juta," katanya. Azizan menjelaskan setiap hari Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd (SADA) membekalkan 15 juta liter air kepada UUM.

Khamis, 21 April, 2011

Transaksi harta negara cecah RM100 b

NILAI transaksi harta negara diunjurkan sekali lagi melepas paras **RM100 bilion** tahun ini susulan pertumbuhan kukuh ekonomi negara dan disokong pelbagai langkah proaktif Kerajaan, kata Ketua Pengarah Penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Datuk Abdullah Thalith Md Thani. "Pasaran harta negara dijangka terus memberangsangkan tahun ini disokong pelbagai langkah di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10), pelaksanaan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), serta peruntukan dalam Bajet 2011 bagi memenuhi keperluan rakyat memiliki rumah mampu milik. "Sungguhpun kita tidak menjangka jumlah bilangan transaksi harta negara tempatan tahun ini dapat menyamai pertumbuhan 11.4 peratus yang dicatat tahun lalu, tetapi nilainya dijangka lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya," katanya sambil menambah pasaran harta negara meningkat selari pertumbuhan ekonomi. Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran empat penerbitan berkaitan sektor harta negara oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta di Kuala Lumpur, semalam. Empat penerbitan itu ialah Laporan Pasaran Harta 2010; Laporan Status Harta Tanah Suku Keempat 2010; Laporan Stok Harta Suku Keempat 2010; dan Laporan Indeks Harga Rumah Malaysia Suku Ketiga-Keempat 2010. Pelancaran disempurnakan Timbalan Menteri Kewangan, Senator Datuk Ir Donald Lim Siang Chai. Mengikut Laporan Pasaran Harta 2010, sejumlah 376,583 transaksi harta negara didaftarkan tahun lalu, peningkatan 11.4 peratus berbanding 338,089 transaksi tahun sebelumnya. Nilai transaksi tahun lalu berjumlah RM107.44 bilion, meningkat 32.6 peratus berbanding RM81.02 bilion tahun sebelumnya, buat pertama kalinya melepas paras RM100 bilion. Sektor kediaman terus memacu pasaran harta negara keseluruhan, menguasai 60.2 peratus daripada bilangan transaksi dan 47.1 peratus daripada nilai transaksi. Sejumlah 226,874 transaksi harta negara kediaman didaftarkan tahun lalu bernilai RM50.65 bilion.

Bagaimanapun, pasaran kediaman utama mencatatkan jualan yang sedikit rendah tahun lalu berbanding tahun sebelumnya yang mana daripada 47,698 unit dilancarkan, hanya 21,799 unit dijual. Kediaman kurang RM250,000 seunit terus dapat permintaan, membentuk 55.91 peratus daripada unit dijual manakala rumah teres kekal popular membentuk komposisi 56.1 peratus daripada jumlah pelancaran baru.

Khamis, 21 April, 2011

Kelantan akui Pusat salur RM520 juta

KOTA BHARU: Kerajaan PAS Kelantan mengakui sudah menerima pinjaman sebanyak **RM520 juta** daripada Kerajaan Pusat untuk pembinaan prasarana bekalan air di Kelantan, tetapi mendakwa ia masih belum mencukupi untuk menyelesaikan masalah air bersih di negeri itu. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerja Raya, Utiliti dan Alam Sekitar negeri, Datuk Md Anizam Abdul Rahman, berkata pinjaman diberi Kerajaan Pusat di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) juga tidak mencukupi. Beliau berkata, kerajaan negeri dinafikan hak membuat pinjaman selama 11 tahun daripada 1990 hingga 2001, menyebabkan Kelantan mundur berbanding negeri lain dan menimbulkan masalah termasuk isu air bersih. "Di bawah RMKe-10 Kerajaan Pusat hanya meluluskan pinjaman RM96 juta daripada RM300 juta yang dipohon kerajaan negeri. "Ini tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah yang timbul," katanya selepas mesyuarat EXCO kerajaan negeri, di Kota Darulnaim, semalam.

Masalah bekalan air di negeri itu bukan isu baru dan ia berlarutan sejak 21 tahun lalu biarpun Kerajaan Pusat memberikan bantuan RM520 juta kepada Kelantan. Pada persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan tahun lalu, Md Anizam berkata liputan air bersih yang sepenuhnya bakal dinikmati rakyat Kelantan selewat-lewatnya pada 2027. Bagaimanapun, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Dr Awang Adek Hussin memberi jaminan menyelesaikan masalah bekalan air bersih di negeri itu dalam tempoh satu penggal atau lima tahun jika Barisan Nasional (BN) diberi peluang memerintah Kelantan pada pilihan raya umum akan datang. Ketika ditanya, sama ada terdapat memorandum diserahkan kepada Menteri Besar daripada kakitangan Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) berhubung ketidakpuasan hati terhadap kepemimpinan tertinggi Aksb, Md Anizam mengakuinya ada.

Jumaat, 22 April, 2011

Isu rebat UUM bukti PAS tak peduli dasar pendidikan

PETALING JAYA: Tindakan kerajaan PAS Kedah enggan melayan rayuan Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi mendapatkan rebat cukai tanah yang dikenakan ke atas institusi itu menggambarkan sikap sebenar kerajaan negeri terhadap dasar pendidikan, sekali gus menuntut rakyat untuk mengadili tindakan itu. Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata insiden yang berlaku terhadap UUM adalah satu ujian kepada kerajaan negeri yang memerlukan mereka mengambil tindakan tepat tanpa menjaskan kepentingan pendidikan dan kebijakan rakyat. "Oleh kerana pendidikan tinggi adalah aset rakyat dan dari dulu lagi, kerajaan Pusat cuba membantu dan memberikan sumbangan supaya institusi pengajian tinggi (IPT) dapat bergerak dengan baik. "Jika kerajaan PAS Kedah tak nak (memberikan rebat), kita nak buat macam mana tetapi yang jelas kita tahu sikap mereka.

"Ini satu ujian pada kerajaan Kedah, apa sumbangan mereka dalam memberikan ilmu dan pendidikan pada rakyat, ini hanya satu ujian pada dia, kalau mereka tak nak, kita tak boleh buat apa," katanya pada sidang media selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) 2010, di sini, semalam. Kelmarin, UUM sekali lagi mengemukakan rayuan kepada kerajaan PAS Kedah iaitu kali keenam bagi mendapatkan rebat cukai tanah, berikutan lima permohonan mereka sebelum ini yang dibuat sejak 2009 hingga tahun lalu tidak mendapat maklum balas yang baik daripada kerajaan negeri termasuk selepas pertemuan Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak dengan Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak pada 25 Julai tahun lalu.

Sebelum ini, Azizan dilaporkan berkata, kerajaan negeri kekal dengan keputusan mengenakan cukai tanah sebanyak RM1.743 juta setahun kepada UUM selepas tempoh rebat selama dua tahun tamat pada 2009. Ditanya sama ada kerajaan Pusat menerusi kementerian akan membantu UUM untuk mengurangkan beban perbelanjaan jika kerajaan PAS Kedah masih bertegas dengan tindakannya, Mohamed Khaled berkata perkara itu akan dibincangkan antara kementerian dan UUM. "Ini soal UUM kena bayar kepada kerajaan Kedah, bukannya tanggungjawab itu boleh diambil oleh kerajaan Pusat... (perbincangan) itu antara kita dengan UUM. "Soalnya ialah kerajaan Kedah nak bagi ke tak nak bagi, kalau mereka tak nak bagi, UUM kena bayar," katanya. Beliau berkata, walaupun UUM menerima peruntukan tahunan lebih RM300 juta untuk membiayai pelbagai kegiatan, program dan projek pendidikan, kementerian berharap sekurang-kurangnya kerajaan Kedah boleh membantu untuk mengurangkan perbelanjaan, sekali gus memastikan peruntukan tahunan yang diterima digunakan sepenuhnya bagi pembangunan pendidikan.

Sabtu, 23 April, 2011

Pelaburan awal Projek E-mel 1 Malaysia RM5.3 juta

KUALA LUMPUR: Firma teknologi maklumat, Tricubes Bhd berkata pelaburan awal untuk Projek E-mel 1 Malaysia adalah **RM5.3 juta**, dengan pembiayaan awalnya diperoleh menerusi dana dalaman dan pinjaman. Memandangkan jumlah pelaburan bagi projek lebih 10 tahun itu dianggarkan RM50 juta, ia menjangka untuk melaburkan semula perolehan yang diterima daripada projek itu untuk memastikan kelangsungan. "Kerajaan tidak membiaya atau menaja jamin projek ini. Ini adalah projek pembiayaan swasta sepenuhnya," kata Tricubes dalam satu kenyataan kepada Bursa Malaysia semalam. Ia juga menyatakan bahawa kerajaan hanya bertindak sebagai fasilitator bagi beberapa maklumat tertentu dan proses seperti pengesahan data dari agensi seperti Jabatan Pendaftaran Negara. Menurut kenyataan itu lagi, alamat e-mel domain yang didaftar dan diluluskan adalah namaanda@myemail.my dan menekankan bahawa e-mel itu akan memberi pilihan kepada pengguna untuk meningkatkan keselamatan e-mel. "Tricubes dan Microsoft kini bekerja rapat untuk memastikan integriti dan kerahsiaan pengguna," kata kenyataan itu sebagai menjawab beberapa pertanyaan sama ada kerajaan boleh memantau akaun e-mel itu.

Tricubes juga berkata perkhidmatan asasnya adalah perkhidmatan e-mel tanpa bayaran kepada pengguna sementara sumber hasil akan diperoleh daripada perkhidmatan tambah nilai yang akan diperkenalkan secara berperingkat. Sementara itu, CIMB Group Holdings Bhd menjelaskan ia tidak memiliki kepentingan dalam Tricubes Bhd. Ketua Eksekutifnya, Datuk Seri Nazir Razak, berkata kepentingan yang didakwa dimiliki CIMB Group dalam Tricubes itu adalah milik dana ekuiti swasta yang diuruskan oleh kumpulan berkenaan.

"Pelaburan itu (dalam Tricubes) memang wujud, iaitu sejak 2001 lagi dengan kepentingan 15 peratus. Ia dibuat menerusi pengurus ekuiti swasta CIMB bagi pihak pelanggan. "Kami turut tidak terbabit langsung dengan pengurusan syarikat itu. Kami juga turut tidak mempunyai wakil dalam lembaga pengarahnya... ia (pemilikan itu) adalah berbentuk kepentingan pasif sepenuhnya. "Sebarang kenyataan yang membayangkan kami sedikit sebanyak terbabit dalam perniagaan itu adalah berniat jahat," katanya.

Sabtu, 23 April, 2011

Kerajaan pertimbang peruntukan tambahan biaya projek pertanian

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedang mempertimbang peruntukan tambahan bagi membiayai dan melaksana projek pembangunan pertanian selaras dengan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara, kata Datuk Seri Najib Razak. Perdana Menteri berkata pertimbangan peruntukan itu tertakluk kepada perbelanjaan negara namun pihaknya sudah memperuntukkan RM3.38 bilion bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan melaksana projek pembangunan pertanian pada tahun ini. Difahamkan peruntukan tambahan yang diminta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bernilai RM1.3 bilion itu bagi melaksana projek pembangunan berasas ternakan, akuakultur dan sayur-sayuran manakala peruntukan tambahan bagi projek tanaman padi berjumlah RM400 juta sudah diperoleh, baru-baru ini. "Kerajaan sedang mempertimbang peruntukan tambahan diperlukan tetapi ini tertakluk kepada perbelanjaan negara untuk menampung perbelanjaan tambahan, tetapi peruntukan tambahan RM400 juta sudah diluluskan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani selaras Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara," katanya pada majlis Hari Perhimpunan Petani, Penterak dan Nelayan di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar dan timbalannya, Datuk Johari Baharom. Pada majlis itu, Najib turut melancarkan pasukan Kor Tani, iaitu kumpulan terdiri daripada mereka yang terbabit dalam bidang pertanian. Beliau turut melancarkan portal AgriBazaar bagi mempromosi perniagaan dan perdagangan antara pengeluar dan pembekal produk serta hasil pertanian secara online. Dalam ucapannya juga, Perdana Menteri menegaskan kerajaan akan terus memberi perhatian dan keutamaan kepada projek pertanian kerana sektor itu kritikal untuk kesejahteraan rakyat. "Jika gagal untuk menambah sumber bekalan makanan, rakyat akan menghadapi inflasi harga kenaikan barang makanan yang tinggi," katanya. Najib berkata sektor pertanian negara juga menunjukkan perkembangan baik dengan menyumbang RM40.7 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2010 berbanding RM30.6 bilion pada 2000.

Isnin, 25 April, 2011

Jambatan baru siap dua bulan

LUKUT: Pengguna Jalan Port Dickson-Sepang dekat Tanah Merah Site C di sini, terpaksa menggunakan Jambatan Bailey hingga pembinaan jambatan baru bagi menggantikan jambatan sedia ada yang tidak lagi selamat digunakan, siap dalam tempoh kira-kira dua tahun. Jambatan baru berharga kira-kira RM3 juta itu akan menggantikan jambatan sedia ada yang didapati mendap dan berkarat. Pembinaan Jambatan Bailey yang dijangka mengambil masa kira-kira seminggu, penting untuk membolehkan semua jenis kenderaan melalui jalan itu.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Infrastruktur, Air, Tenaga dan Telekomunikasi negeri, Datuk Ismail Lasim, berkata sejak bulan lalu, kenderaan berat seperti lori dari Pelabuhan Klang ke Port Dickson dan sebaliknya tidak dibenar menggunakan jalan itu. Katanya, pemeriksaan Jabatan Kerja Raya (JKR) mendapati jambatan sedia ada yang dibina pada 1950 mengalami masalah karat kritikal, terutama di bahagian rasuk jambatan yang diperbuat daripada keluli. "Permukaan jambatan juga mengalami mendapan kerana lapisan keluli di bawah jambatan berkarat, dipercayai akibat sungai yang berhampiran laut turut mengalami keadaan pasang surut dua kali sehari," katanya selepas melawat jambatan itu di sini.

Turut hadir Pengarah JKR negeri, Datuk Dr Roslan Md Taha. Ismail berkata, kerja pembinaan jambatan baru akan dimulakan sebaik mendapat peruntukan khas kerajaan Pusat tidak lama lagi. Bagaimanapun, katanya, keutamaan sekarang adalah membina Jambatan Bailey yang dijangka siap pada 1 Mei ini kerana ketika ini, hanya kenderaan ringan boleh melalui jambatan sedia ada. Selain keadaan jambatan semakin uzur, katanya, saiz jambatan yang sempit sering menyebabkan kemalangan berlaku. "Jambatan ini berhampiran selekoh dan pengguna jalan raya yang tidak berhati-hati mudah terbabit dalam kemalangan kerana selepas selekoh itu, tiba-tiba terpaksa melalui jambatan sempit," katanya. Beliau berkata, projek ini menjadi keutamaan kerajaan negeri yang mahukan keselamatan pengguna jalan raya terjamin.

Selasa, 26 April, 2011

Kerajaan sokong usaha naik taraf infrastruktur pengangkutan: TPM

KUALA LUMPUR: Risiko kesesakan bandar dan pencemaran adalah masalah yang akan berlaku di ibu negara jika infrastruktur pengangkutan tidak berkembang seiring dengan pembangunan, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin. Justeru, Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memberi sokongan sewajarnya bagi membolehkan kerja penambahbaikan kemudahan itu dapat dilaksanakan dengan segera demi keselesaan dan kesejahteraan pengguna. "Langkah penambahbaikan infrastruktur dan usaha mengintegrasikan hab pengangkutan menentukan sama ada inisiatif Greater Kuala Lumpur akan muncul sebagai metropolis bertaraf dunia setaraf seperti London, New York dan Tokyo atau sebaliknya," katanya dalam ucapan perasmian sambutan ulang tahun ke-10 Stesen Sentral Kuala Lumpur (Stesen Sentral) anjuran Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), semalam.

Timbalan Perdana Menteri juga berkata, kerajaan menyambut baik usaha MRCB menerima tanggungjawab kerja penambahbaikan kemudahan awam di Stesen Sentral di bawah inisiatif Pengangkutan Awam Bandar yang menjadi sebahagian Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Katanya, di bawah inisiatif ini, MRCB akan menyambung Stesen Monorel KL Sentral dengan Stesen Sentral yang dijangka siap pada Julai 2012 bagi membolehkan penumpang bergerak dengan selesa di antara dua stesen ini. "Inisiatif yang dirancang MRCB ini juga bertepatan dalam mendokong usaha kerajaan untuk meningkatkan sasaran penggunaan pengangkutan awam di Lembah Klang menjelang 2012 kepada 25 peratus daripada cuma 17 peratus pada 2010," katanya. Muhyiddin turut berbangga Stesen Sentral berjaya menjadi satu penanda aras hab pengangkutan awam yang berjaya apabila semua kos operasinya mampu ditampung sepenuhnya menerusi aktiviti komersial dijana di dalam stesen berkenaan. "Saya yakin MRCB terus berkembang pesat di dalam dan luar negara serta mengikut jejak rakan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti Malaysia Airports Bhd yang kini bertapak di India dan Turki," katanya.

Selasa, 26 April, 2011

Program Transformasi Ekonomi langkah strategik hadapi perubahan global masa depan

KETIKA Datuk Seri Najib Razak dilantik Perdana Menteri pada April 2009, ekonomi negara berada dalam keadaan yang agak lemah. Pelaburan langsung asing (FDI) jatuh dengan teruknya, manakala daya saing negara turut merosot menyebabkan kedudukan kita sebagai peneraju ekonomi di rantau ini semakin lemah. Laporan Global Competitiveness Index 2010 melaporkan kedudukan kita jatuh ke tangga 24 daripada kedudukan 21 sebelumnya. Antara punca kemerosotan daya saing negara disebabkan ramai tenaga kerja mahir dan berpengetahuan tinggi berhijrah keluar sehingga meletakkan keadaan modal insan berada ke tahap kritikal. Negara hanya memiliki 20 peratus tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Kesannya, kita gagal menjanakan keuntungan daripada pengeluaran produk dan perkhidmatan yang berkualiti. Pertumbuhan produktiviti yang lemah juga menggambarkan bahawa negara masih kurang dari segi kreativiti dan inovasi, terutama inovasi dalam sektor perindustrian dan sektor eksport.

Pada masa sama, sistem pendidikan negara tidak menghasilkan kemahiran yang dikehendaki oleh industri dan pasaran. Najib memahami bahawa untuk membawa kembali ekonomi negara supaya kembali bertenaga dan dinamik memerlukan anjakan dan pendekatan baru yang lebih realistik selari dengan perubahan dan tuntutan ekonomi global. Hasilnya lahirlah dasar liberalisasi ekonomi, Model Baru Ekonomi (MBE) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP). Semua dasar terbabit bertujuan untuk menggerakkan semula ekonomi negara yang terjejas kesan daripada masalah berkenaan. Kini, dasar terbabit semakin menampakkan kesan kejayaan. MBE dan ETP yang diperkenalkan kerajaan dilihat sesuatu yang dinamik kerana ia dilaksanakan di bawah dasar ekonomi yang anjal selari dengan tuntutan dan perubahan yang berlaku dalam ekonomi global. ETP adalah program transformasi ekonomi yang bertujuan menjana pertumbuhan ekonomi mapan, khusus dalam 12 bidang Aktiviti Utama Ekonomi Negara (NKEA). NKEA terbabit ialah minyak, gas dan tenaga, minyak sawit, pertanian, elektrik dan elektronik, pelancongan, pendidikan, penjagaan kesihatan, perkhidmatan kewangan, kandungan komunikasi dan infrastruktur, perkhidmatan perniagaan, pemborongan dan peruncitan dan Greater Kuala Lumpur (Lembah Klang).

MBE pula memberi fokus kepada usaha untuk meningkatkan tahap pendapatan semua golongan yang kurang bernasib. Keutamaan MBE adalah untuk mengatasi jurang dispariti dan membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum. Sebagai pencetus dan penggerak transformasi, Najib dan 'pasukannya' bekerja keras untuk meyakinkan pelabur luar melalui beberapa siri lawatannya ke luar negara. Kini, keyakinan pelabur luar terhadap potensi Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menguntungkan terus meningkat. Jabatan Perangkaan dalam kenyataannya menjelaskan dalam tempoh enam bulan tahun lalu saja negara mencatatkan aliran kemasukan FDI sebanyak AS\$ 5.4 bilion. Laporan Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD) yang dikeluarkan pada 17 Januari lalu pula menyebut FDI Malaysia pada 2010 bernilai AS\$ 7 bilion (RM21.30 bilion) berbanding AS\$ 1.4 bilion tahun 2009. Lagi fakta yang menunjukkan pertumbuhan positif ekonomi negara ialah hasil kaji selidik yang dijalankan oleh Economist Intelligence Unit (FIU) mengenai 'Worldwide Cost of Living'. Kajian yang dijalankan pada tahun lalu itu meletakkan Malaysia di tangga ke-88 destinasi paling mahal di dunia, berbanding kedudukan ke-95 pada 2009.

Menurut kajian itu, kedudukan Malaysia yang lebih baik itu adalah didorong oleh pertumbuhan ekonomi negara yang memberangsangkan. Usaha kerajaan untuk menjayakan transformasi ekonomi terus berjalan lancar. Projek ETP yang dilaksanakan telah memberi impak kepada penjanaan pertumbuhan ekonomi negara. Setakat ini sebanyak RM95 bilion jumlah pelaburan dicapai yang membabitkan 60 projek dan inisiatif merangkumi 46 Projek Permulaan (EPP) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Ia juga mewujudkan 224,358 peluang pekerjaan. Kejayaan transformasi ekonomi yang mula terserlah itu adalah antara lain disokong oleh Program Transformasi Kerajaan (GTP). Perkhidmatan awan sudah memainkan peranan yang cukup dinamik dan berkesan dalam menjayakan dasar baru kerajaan yang diperkenalkan. GTP yang menekankan sistem penyampaian yang berkesan berjaya mengurangkan kerentahan birokrasi dengan memperkenalkan pelbagai inovasi dan pendekatan baru yang memberi banyak kemudahan kepada pelaburan asing untuk berurusan di negara ini.

Pun begitu, harus difahami bahawa beberapa cabaran mungkin dihadapi oleh negara di rantau ini. Walaupun kerajaan komited untuk mengekalkan unjuran pertumbuhan ekonomi negara pada kadar enam peratus tahun ini, beberapa krisis global seperti krisis nuklear Jepun dan krisis di Asia Barat boleh menjelaskan momentum pertumbuhan ekonomi. Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) meramalkan negara mampu mencatat pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.2 peratus tahun ini dan 5.5 peratus untuk 2012. Ini disebabkan keadaan ekonomi global yang lemah serta beberapa krisis terbaru yang berlaku di dunia. Namun kita yakin, berdasarkan pelaksana projek ETP yang memberangsangkan serta keupayaan negara menarik masuk FDI serta pelaburan daripada sumber domestik (DDI) negara mampu mencapai kadar pertumbuhan enam peratus. Inflasi adalah isu yang dijangka bakal dihadapi oleh negara di rantau Asia kesan daripada kenaikan harga minyak dan krisis nuklear Jepun. Kadar inflasi di Asia dijangkakan akan mencecah 5.3 peratus tahun ini berbanding 4.4 peratus tahun lalu.

Rabu, 27 April, 2011

64,456 disenarai hitam jika tak bayar PTPK

PUTRAJAYA: Kementerian Sumber Manusia memberi amaran kepada 64,456 peminjam Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) supaya membayar balik pinjaman tabung itu yang jumlah terkumpulnya mencecah RM518.5 juta sejak 2002 hingga 31 Disember tahun lalu. Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr S Subramaniam, berkata jika gagal membayar balik pinjaman, nama peminjam mereka akan disenaraikan dalam rekod Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) di bawah seliaan Bank Negara dan Credit Tip Off Service Sdn Bhd (CTOS) sekali gus menyebabkan mereka disenarai hitam daripada memohon pinjaman lain. Beliau berkata, kegagalan peminjam membayar balik hutang itu akan menyebabkan lepasan sekolah yang lain sukar dibantu untuk mendapatkan kemahiran teknikal pada masa depan. "Ini adalah peringatan kepada 47 peratus peminjam yang tidak membayar balik pinjaman mereka. Pinjaman diwujudkan sebagai tabung pusingan, jika wang yang dikeluarkan tidak dikembalikan, ia akan menyebabkan bantuan kepada orang lain sukar dibuat," katanya selepas melancarkan Program Pinjaman Latihan Kemahiran Kepada Pekerja di sini, semalam. Skim Lepasan Sekolah yang diwujudkan di bawah PTPK itu sudah memberikan pinjaman berjumlah RM1.1 bilion kepada 149,655 pelajar sejak 2002 hingga akhir tahun lalu. Pelbagai cara digunakan untuk mengesan peminjam terbabit termasuk mendapatkan bantuan agensi kerajaan dan mengedarkan notis tuntutan kepada mereka.

Mengenai program pinjaman latihan yang dilancarkan itu, beliau berkata, sebanyak RM100 juta diperuntukkan setiap tahun bagi tempoh lima tahun kepada golongan pekerja yang mahu meningkatkan kemahiran masing-masing. Katanya, permohonan boleh dibuat mulai Ahad ini menerusi laman sesawang PTPK. Beliau berkata, pembiayaan pinjaman yang diumumkan sebelum ini bertujuan meningkatkan kelayakan golongan pekerja menerusi latihan kemahiran semula, menjalani latihan kemahiran baru dan latihan kemahiran untuk peningkatan tahap kemahiran untuk mendapatkan sijil.

Rabu, 27 April, 2011

Mohon RM1.06j naik taraf SMK Tinggi Perempuan Melaka

MELAKA TENGAH: Kerajaan negeri akan memohon peruntukan **RM1.06 juta** daripada Kementerian Pelajaran bagi memperbaiki dan menaik taraf infrastruktur Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tinggi Perempuan Melaka, dekat sini. Peruntukan itu untuk membaiki lantai dan kabinet bilik kakitangan, pusat sumber dan empat bilik darjah membabitkan kos berjumlah RM80,000 selain membaiki surau (RM180,000), membina pusat sumber dua tingkat (RM500,000) dan mengecat enam blok dan 39 kelas (RM300,000). Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata, peruntukan segera itu perlu bagi membantu meningkatkan lagi tahap keselesaan pelajar serta tenaga pengajar di situ dalam proses pembelajaran harian mereka. "Sekolah ini sudah berusia 51 tahun dan tiba masanya untuk proses menaik taraf dilaksanakan segera," katanya selepas mengadakan lawatan pemantauan ke sekolah berkenaan, semalam.

SMK Tinggi Perempuan Melaka adalah antara penerima anugerah Sekolah Cemerlang di negeri ini pada 2007, manakala pada 2008 pula dianugerahkan Sekolah Kluster. Pada masa ini, surau sekolah berkenaan hanya boleh menampung 300 pelajar, berbanding 969 pelajar yang belajar di situ. Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Pelajaran, Belia dan Sukan negeri, Datuk Gan Tian Loo dan Pengarah Pelajaran negeri, Juliah Leman. Mengulas lanjut, Mohd Ali berkata, beliau akan menyerahkan permohonan itu dalam mesyuarat Majlis Perancangan Fizikal Negara yang akan diadakan di Putrajaya minggu ini. Katanya, mesyuarat itu akan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan beliau berharap permohonan itu dapat diluluskan kerana SMK Tinggi Perempuan Melaka adalah antara sekolah tertua dan berprestasi tinggi, selain menduduki carta kelima sekolah terbaik di Melaka. "Kerajaan negeri tidak mahu pelajar di sini terkecuali daripada sistem pembelajaran yang berkualiti dan atas sebab itu, banyak kerja untuk menaik taraf bangunan sekolah ini perlu dilaksanakan secepat mungkin," katanya.

Khamis, 28 April, 2011

RM565,000 balas keringat atlit muda

SEJUMLAH RM565,000 setahun akan disediakan Kerajaan Negeri Terengganu sebagai biasiswa khas kepada setiap pelajar sekolah sukan dan atlit Sukan Malaysia (SUKMA) di semua sekolah di negeri berkenaan. Ia diumumkan Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said sebagai komitmen kerajaan negeri selepas kontinjen dari Pantai Timur itu menjuarai SUKMA dua kali berturut-turut sejak 2008.

"Pemberian biasiswa ini adalah tanda pengiktirafan kerajaan negeri terhadap kecemerlangan atlit negeri dalam bidang sukan dan kita harap dengan ini kita akan terus mengekalkan dominasi dalam pelbagai bidang sukan terutama dalam SUKMA," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat EXCO di Wisma Darul Iman, di Kuala Terengganu, semalam. Pemberian biasiswa berjumlah RM60 setiap bulan kepada 690 pelajar yang sebahagian besarnya menuntut di Sekolah Sukan Bukit Nenas, Setiu dan atlit SUKMA di pelbagai sekolah di seluruh negeri akan mula disalurkan Jun ini. Ahmad Said menjelaskan peruntukan RM565,000 setahun itu akan dimasukkan sebagai sebahagian daripada bajet negeri. Hadir sama Penggerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri, Rozi Mamat dan Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Mazlan Ngah. Terengganu menjadi juara SUKMA pada 2008 di Terengganu dan 2010 di Melaka. Pada 2008, Terengganu mengejutkan peminat sukan tempatan apabila muncul juara dengan memperoleh 61 emas, 39 perak dan 47 gangsa manakala di Melaka, pasukan negeri itu meraih keseluruhan 120 pingat - emas (47), perak (30) dan gangsa (43).

Jumaat, 30 April, 2011

Nilai pertama EKUINAS RM483.2j

PUTRAJAYA: Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS), syarikat pengurusan dana berkaitan kerajaan, berjaya meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera bagi tahun pertama penubuhannya sebanyak RM483.2 juta, peningkatan 1.28 kali ganda daripada jumlah dilaburkan RM380.6 juta. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata peningkatan itu dihasilkan daripada jumlah pelaburan ekuiti yang dilaksanakan EKUINAS serta peningkatan nilai saham yang berjaya dicipta untuk syarikat dan semua pemegang saham Bumiputera dalam syarikat portfolio pelaburannya. Beliau berkata, kejayaan tahun pertama EKUINAS itu membuktikan bahawa keputusan kerajaan untuk menggunakan pendekatan lebih inovatif dan kreatif ke arah melaksanakan dasar afirmatif untuk meningkatkan pembabitan Bumiputera secara saksama membuaikan hasil yang diharapkan. EKUINAS ditubuhkan pada 2009 sebagai pendekatan baru dan inovatif, bertujuan meningkatkan pembabitan ekonomi Bumiputera menerusi prinsip mesra pasaran, berdasarkan merit dan telus. "Bagi tahun kewangan 2011, kerajaan difahamkan EKUINAS akan membuat pelaburan sehingga RM600 juta dan seterusnya membantu pelaburan modal sehingga RM1 bilion secara langsung ke dalam ekonomi Malaysia. "Kerajaan berharap menerusi pelaburan itu akan terus meningkatkan pembabitan Bumiputera dari segi pemilikan ekuiti, pengurusan, peluang pekerjaan dan rantaian bekalan," katanya ketika mengumumkan pencapaian tahun pertama EKUINAS di sini, semalam.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop; Penggerusi EKUINAS, Tan Sri Raja Arshad Raja Tun Uda dan Ketua Pegawai Eksekutif EKUINAS, Datuk Abdul Rahman Ahmad. Bagi tahun pertama, kerajaan menyalurkan dana permulaan sebanyak RM500 juta kepada EKUINAS sebagai peruntukan awal daripada RM5 bilion seperti yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia (RMK) Kesembilan dan RMKe-10. Dalam tahun pertama operasi, EKUINAS membuat pelaburan dalam Alliance Cosmetics Group (ACG), Tanjung Offshore Berhad (TOFF), Konsortium Logistik Berhad (KLB) dan APIIT/UCTI Education Group (APIIT) membabitkan nilai RM482.7 juta. Dicampur bersama rakan pelaburan EKUINAS, keempat-empat pelaburan itu berjaya menyuntik modal sebanyak RM602.4 juta ke dalam ekonomi, sekali gus memberi kesan positif kepada iklim pelaburan negara. Najib berkata, kerajaan akan terus memantau perkembangan pelaburan EKUINAS dari semasa ke semasa bagi memastikan pencapaian objektif penubuhannya dari segi kewangan dan sosial.

Jumaat, 30 April, 2011

Projek tambahan jika kemuka bukti

SEREMBAN: Kontraktor Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang mendakwa pegawai Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) meminta rasuah daripada mereka akan diberikan projek tambahan jika dapat mengemukakan bukti kukuh mengenai salah laku terbabit. Pengerusi SPNB, Datuk Idris Haron, ketika mendedahkan ada kontraktor mendakwa menghadapi masalah demikian apabila berurusan dengan SPNB, berkata syarikat itu telus dalam isu terbabit dan meminta kontraktor yang berdepan masalah itu melaporkannya terus kepada beliau dan pegawai kanan lain. "Ada kontraktor kata tak berani lapor kerana takut tak akan dapat lagi projek SPNB, tetapi saya jamin setiap aduan disertakan bukti kukuh akan diberikan satu lagi kerja," katanya pada Majlis Penyerahan Inden Kerja Kontraktor RMR di Dewan Besar Pejabat Badan Perhubungan UMNO negeri, di sini semalam.

Pada majlis dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan itu, seramai 90 kontraktor bersama pemilik rumah menerima dokumen untuk pembinaan RMR di seluruh negeri ini. Idris berkata, SPNB tidak mahu pegawainya terbabit dalam perbuatan yang boleh mencemarkan imej agensi itu, sekali gus meminta kontraktor terus menghubungi telefon bimbitnya atau Pengarah Urusan SPNB, Datuk Dr Kamarul Rashdan Salleh dan Ketua Pegawai Operasi SPNB, Maszirul Arlinza Awalludin. Terdahulu, beliau berkata, SPNB setakat ini berjaya menyiapkan 15,200 unit RMR bernilai RM887 juta, termasuk 1,510 unit bernilai RM98.15 juta di Negeri Sembilan, manakala bagi tahun ini 2,500 unit RMR bernilai RM275 juta akan dibina di seluruh negara. "Jumlah berkenaan masih rendah kerana ada 42,000 permohonan diterima SPNB untuk membina RMR berharga kira-kira RM65,000 seunit," katanya sambil menambah pembinaan RMR adalah tanggungjawab kerajaan terhadap rakyat berpendapatan rendah kerana kira-kira 30 peratus harga rumah disubsidi kerajaan. Selain itu, katanya, pemilik rumah hanya perlu membayar RM150 sebulan dengan tempoh pembayaran antara 22 hingga 26 tahun.

Jumaat, 30 April, 2011

Tinggal 2.8 peratus miskin tegar di Terengganu

KERAJAAN negeri Terengganu semakin hampir mencapai sasaran untuk merekodkan sifar miskin tegar apabila seramai 10,677 keluarga miskin termasuk miskin tegar yang tersenarai dalam pangkalan data e-Kasih, Unit Penyelaras dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dikeluarkan daripada program pembasmian kemiskinan hingga bulan lalu. Jumlah itu membabitkan 100 orang miskin tegar dan 4,400 orang kategori miskin manakala selebihnya adalah golongan mudah miskin daripada keseluruhan kira-kira 20,000 orang keluarga miskin yang disenaraikan di negeri itu tahun lalu. Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Masyarakat, dan Wanita negeri, Yahya Khatib Mohamad, berkata sejak tahun 2004 sehingga akhir tahun lalu, Terengganu yang berada pada kedudukan ketiga negeri termiskin di seluruh negara, kini berada pada kedudukan kelima selepas Sabah, Sarawak, Kelantan dan Kedah. Katanya, kepantasan kerajaan negeri mencapai sasaran miskin sifar hanya dalam tempoh enam tahun dicapai menerusi pelbagai program yang disusun bagi membolehkan golongan berkenaan berdikari menambah pendapatan.

"Kita bangga apabila kerajaan negeri berjaya melaksanakan pelbagai program menghapuskan kemiskinan dan ketika ini hanya 2.8 peratus yang tergolong dalam kalangan miskin tegar. "Pengurangan kadar kemiskinan itu berpunca daripada pelbagai program yang dilaksanakan kerajaan negeri termasuk bantuan perniagaan menerusi Tabung Darul Iman dan Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) di samping bantuan am lain yang disediakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," katanya. Yahya berkata, tahun ini juga sebanyak tujuh unit rumah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang bernilai RM33,000 akan dibina di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan ditingkatkan kepada 15 unit setiap DUN menjelang penghujung tahun ini. Katanya, selain membina rumah PPRT yang baru, bantuan membaiki rumah juga disediakan termasuk menukar bumbung yang rosak atau atap bocor dengan kos minimum RM11,000 bagi setiap rumah. "Bantuan ini (atap) adalah di bawah program bantuan Atap Biru menerusi peruntukan yang berjumlah RM500,000 disediakan kerajaan negeri kepada setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Barisan Nasional (BN) atau Pegawai Penyelaras DUN bagi kawasan dikuasai pembangkang untuk diagihkan kepada mereka yang layak," katanya.

Beliau berkata, bagi melahirkan lebih ramai masyarakat berdikari khususnya kepada golongan yang mudah miskin, pelbagai program disediakan seperti Kursus Kemahiran Ibu Tunggal, Program Komuniti, Program Warga Emas dan Program Pemimpin Masyarakat. Katanya, semua program itu bertujuan meningkatkan kualiti hidup setiap individu dan keluarga supaya tahap ekonomi mereka menjadi lebih baik daripada semasa ke semasa. "Kerajaan negeri juga akan mewujudkan sebuah bengkel membuat kaki palsu dan kerusi roda di pusat latihan orang kelainan upaya (OKU) di Taman Rahmat Pulau Kerengga, Marang tidak lama lagi bagi memberi peluang kepada golongan itu berdikari dan memperoleh kemahiran hidup bagi menambah pendapatan," katanya.

Jumaat, 30 April, 2011

Tiga agensi komited laksana program basmi kemiskinan

KEUPA YAAN kerajaan Terengganu mencapai sasaran untuk menurunkan kadar miskin dan miskin tegar dengan drastik dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) berakhir tahun lalu, sebahagian besarnya dijana komitmen dan sikap proaktif beberapa agensi berkaitan terutama Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT), Jabatan Pertanian dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Menerusi pelbagai program yang dijalankan untuk mengeluarkan golongan miskin tegar, miskin dan mudah miskin di negeri ini yang tersenarai dalam pangkalan data e-Kasih, usaha agensi berkenaan berjaya meningkatkan pendapatan pesertanya melepas garis kemiskinan. Malah, terdapat empat peserta golongan miskin yang tersenarai dalam Sistem Profil Rakyat Termiskin (SPRM) yang diwujudkan kerajaan Terengganu sejak 2005 dan mendapat bimbingan perniagaan daripada YPKT, kini mereka memperoleh pendapatan tidak kurang RM4,000 sebulan. Secara automatik, Terengganu sudah berjaya membawa keluar rakyat daripada belenggu kemiskinan sekali gus merealisasikan sasaran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang mahu setiap rakyat negara ini mempunyai pendapatan sekurang-kurangnya RM2,500 sebulan menjelang tahun 2015. Pengarah YPK Terengganu, Mohd Shafaruddin Mustaffa, berkata mulai 2006 yayasan itu dipertanggungjawabkan kerajaan negeri untuk melaksanakan Program Pembasmian Kemiskinan. YPKT diberi peruntukan RM30.2 juta bagi melaksanakan program itu sepanjang tempoh RMKe-9 (2006-2010) daripada Kerajaan Pusat untuk diagihkan kepada golongan sasar mengikut senarai e-Kasih manakala Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Said turut meluluskan peruntukan kerajaan negeri bagi program itu berjumlah RM1 juta.

Difahamkan kerajaan negeri bersetuju memberi peruntukan berjumlah RM5 juta kepada YPKT bagi melaksanakan program pembasmian kemiskinan yang akan disalurkan secara berperingkat menerusi RMKe-10 mulai tahun ini. Mengikut data statistik senarai golongan miskin menyertai program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan YPKT bermula fasa 1/2007 sehingga fasa 5/2010, seramai 1,570 peserta dibantu dan dibimbing dalam pelbagai bidang perniagaan dengan mendapat bantuan kewangan yang membabitkan peserta kategori miskin tegar seramai 682 orang, miskin (789), mudah miskin (58) dan 41 peserta golongan miskin yang tidak termasuk dalam senarai data e-Kasih. Seramai 1,537 lagi peserta termasuk golongan miskin tegar dibantu mengikut senarai SPRM yang menjadikan jumlah keseluruhan yang terbabit dengan program pembasmian kemiskinan di negeri ini seramai 3,107 orang sehingga tahun lalu dan semua mereka kini memperoleh pendapatan mele过asi garis kemiskinan. "Mengikut statistik YPKT, menerusi fasa 5/2010 hanya 10 peserta miskin tegar mengikuti program pembasmian kemiskinan dan semua mereka kini sudah berjaya memperoleh pendapatan tidak kurang RM1,000 sebulan yang mele过asi garis pendapatan miskin tegar RM460 sebulan dan golongan miskin, RM720 sebulan," katanya.

Mohd Shafaruddin berkata, pihaknya membimbang peserta program pembasmian kemiskinan membabitkan lapan bidang yang disenarai untuk meningkatkan pendapatan iaitukemahiran, kraf tangan, ternakan, perikanan, perkhidmatan barang, perniagaan makanan, pertanian dan pertukangan. Daripada lapan bidang itu, perkhidmatan barang paling ramai peserta, membabitkan 1,056 orang diikuti perniagaan makanan (801) dan kemahiran seperti jahitan dan sulaman (706) manakala ternakan (207), pertukangan (198), pertanian (94), perikanan (37) dan kraftangan (lapan). Katanya, antara objektif YPKT membantu meningkatkan pendapatan golongan miskin menerusi penyediaan peluang meningkatkan ekonomi golongan sasar ialah menggalakkan rakyat miskin menyertai Program Pembangunan Diri, memberi suntikan minda kepada golongan sasar ke arah mencapai kejayaan, membangkitkan kesedaran dan keupayaan diri sendiri untuk keluar daripada kepompong kemiskinan. "Yang pasti YPKT memantau setiap bulan ke atas peserta dan menilai laporan kemajuan di samping mereka perlu mengikuti kursus perubahan minda dan motivasi dari masa ke semasa sehingga berjaya mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan menerusi projek yang dilaksanakan," katanya.